

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

---

Jilid IV 1998	Bil. 8	Hari Isnin	25 Mei
------------------	--------	------------	--------

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998** (Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
Mesyuarat Pertama  
Penggal Keempat  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,  
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.  
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,  
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)

- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/  
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee bin ti Abdullah  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Isnin, 25 Mei 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN****KONSEP KANAK-KANAK BESTARI -  
PENDEDAHAN KEPADA LATIHAN DAN PENGAJARAN**

1. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk melaksanakan konsep kanak-kanak bestari di semua tabika dan tadika di bawah naungannya menjelang alaf baru nanti. Jika ya, sudahkah tenaga pengajar berkenaan didedahkan kepada konsep latihan dan pengajaran tersebut.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan, kementerian belum bercadang untuk melaksanakan konsep kanak-kanak bestari di semua tabika yang dikelolakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara. Ini adalah memandangkan penekanan di prasekolah banyak ditumpukan kepada perkembangan koknatif, penerapan nilai-nilai kerohanian, moral dan pemupukan semangat perpaduan serta sebagai persediaan kanak-kanak ke alam persekolahan yang sebenarnya. Walau bagaimanapun pihak kementerian sentiasa peka dengan perkembangan dan tuntutan semasa dan

pembaharuan-pembaharuan yang bersesuaian akan diperkenalkan dari semasa ke semasa ke atas program tabika perpaduan.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang bestari sekarang ini. Saya rasa saya hendak tahu daripada soalan tambahan ini, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat sepatutnya persediaan seawal mungkin patut kita sediakan. Saya dengar Yang Berhormat sebut tentang persediaan alaf baru. Amat tepat sekali kalau persediaan reformasi pendidikan menekankan tentang umpamanya menyediakan kanak-kanak sekolah untuk lebih berfikir menggunakan akal fikiran untuk berhujah dan sebagainya. Tidak hanya menggunakan kefahaman dan ingatan. Pada saya patut pihak kementerian membuat persediaan daripada sekarang hendak selaraskan dengan persediaan peringkat bestari di sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya ingat ini lebih memanfaatkan kerana persediaan itu sendiri merupakan satu cabaran untuk kita menghadapi alaf baru.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, bagi kita semua telah mengetahui iaitu sekolah bestari yang dikenalkan baru-baru ini. Saya pun telah mendengar dalam Dewan Rakyat. Ini baru sekali saya dengar dalam Dewan Negara iaitu belum dilaksanakan atau akan dilaksanakan tidak lama lagi. Jadi bagaimanalah bagi pihak tadika perpaduan kerana guru dan pembantu guru tabika perpaduan pun memang telah diberi kursus induksi selama 78 jam. Tujuan kursus ini adalah seperti berikut:

- (i) memberi pengetahuan asas berkenaan jabatan dan fungsi jabatan;
- (ii) memberi pengetahuan tentang peranan dan tugas guru pra-sekolah;
- (iii) memberi pendedahan tentang pelbagai aspek pengajaran; dan
- (iv) pembelajaran prasekolah.

Jadi mengikut jawapan saya awal tadi memang kementerian akan memberi perhatian dari semasa ke semasa. Jadi apakah tujuannya kerana sekolah rendah ataupun sekolah biasa pun baru dikenalkan sekolah bestari.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan susulan. Saya mengakui apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Perkara pokok yang saya hendak sebut ialah di sinilah peluangnya kita mulakan dengan



perancangan jangka panjang yang teratur dan penuh strategik. Kalau hanya jawapan yang kita akan mengambil kira dan mengubah dari semasa ke semasa, pada saya ini satu jawapan yang standard yang merupakan kita telah dengar sebelum berucap.

Jadi, oleh kerana itu saya rasa perancangan ini boleh dimulakan sekarang. Saya percaya, betul konsep sekolah bestari di peringkat Kementerian Pendidikan sedang dirancangan sekarang tetapi pada saya konsep ini sudah masak, cuma yang dibincangkan ialah cara hendak mengimplementasikan secara efektif dalam keadaan kegawatan ekonomi. Itu sahaja bezanya. Oleh kerana itu berdasarkan perancangan strategik dan jangka panjang menyediakan anak-anak muda kita ke alaf baru saya masih berpendapat dengan kuat bahawa patut kita mulakan sekarang perancangan itu walaupun jawapannya tidak secara spontan dan mungkin memakan masa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi sekiranya kalau Yang Berhormat mahu jawapan yang hampir lagi, cadangan Yang Berhormat itu akan diperhatikan oleh kementerian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kita mengetahui bahawa Kementerian Pendidikan bertanggungjawab menentukan dasar dalam pendidikan ini dan sudah tentu soal-soal pendidikan ini perlu dikawal di bawah Kementerian Pendidikan. Saya ingin mengetahui sejauh manakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyelaraskan dari segi konsep pendidikan ini. Sebab kita tidak mahu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Agama yang ada kelas-kelas tadika ini bila dengar pelajar bestari, sekolah bestari, mereka pun melaksanakan konsep bestari.

Jadi esok sampai ke peringkat penyelarasan bila kanak-kanak ini hendak masuk sekolah di bawah kementerian timbul masalah penyesuaian. Sejauh manakah perkara ini diambil kira?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan prasekolah ataupun tadika, memang betul iaitu pada awal-awalnya prasekolah ini dikhaskan kepada KEMAS. Jadi akhir-akhir ini Jabatan Perpaduan pun ada mengadakan kelas tadika iaitu prasekolah untuk membantu prasekolah yang dikendalikan oleh KEMAS. Jadi oleh kerana kita pun telah mengetahui iaitu prasekolah sekarang kalau mengikut akta yang diluluskan pada tahun 1996 iaitu di bawah Kementerian Pendidikan tetapi berkenaan dengan KEMAS, itu terpulang kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi berkenaan dengan kelas tadika perpaduan ini memang mengikut jawapan saya tadi dan mengikut kerajaan ini memang diperlukan, jadi kementerian ini telah melaksanakannya. Jadi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu akan diambil kira oleh kementerian.

**SIARAN RADIO 7 (SIARAN ORANG ASLI)-  
PERTAMBAHAN BAHASA ETNIK**

2. **Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Penerangan menyatakan Siaran Radio 7 (Siaran Orang Asli) telah pun ditambah waktu siarannya, adakah ianya melibatkan pertambahan bahasa siaran mengikut etnik atau masih mengekalkan siaran etnik Suku Semai dan Temiar sahaja dan kalau ada perubahan dan pertambahan bahasa etnik bilakah siaran tersebut akan ke udara.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, Radio 7 Siaran Orang Asli masih mengekalkan waktu siaran etnik Suku Semai dan Suku Temiar di samping bahasa Malaysia. Buat masa ini belum ada perancangan untuk menambah bahasa etnik yang lain.

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain, bukan bahasa etnik.

Tuan Yang di-Pertua, ini soalan tambahan saya. Pada mulanya siaran Nasional TV7 (ntv7) telah menayangkan tayangan filem Tamil tetapi sekarang tidak disiarkan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini di bawah bahasa Orang Asli.

**Tuan N. Marimuthu:** Ini bahasa Tamil. *[Ketawa]* Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini luar daripada soalan asal.

**Tuan N. Marimuthu:** Saya minta pertambahan lagi Berita Bahasa Tamil dan filem Tamil. Pengerusi Kebudayaan Kebangsaan Tamil (MIC) telah meminta ntv7 perkara-perkara ini. Sekian.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bahawa MIC telah membuat permintaan dan kementerian sentiasa memberi keutamaan di atas permintaan-permintaan parti khususnya rakan-rakan Barisan Nasional.

**Tuan Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apa sebenarnya matlamat Kementerian Penerangan untuk menyiarkan siaran

Orang Asli ini sebab yang saya tahu kalau FM Stereo 40 kilometer sekitar Kuala Lumpur manakala 49 meter gelombang pendek hanya didengar tenggelam timbul dan dilihat hanya 20% sahaja pendengar masyarakat Orang Asli yang mendengar siaran ini dan ditambah pula masanya yang menjadi pendengar khusus kaum Semai dan kaum Temiar. Apa hal yang terjadi kepada 16 suku kaum yang lain? Sekian, terima kasih.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Radio 7 Orang Asli ini telah diwujudkan sejak tahun 1959 lagi. Sejak tahun 1959 telah mendapat sambutan yang baik dan banyak pembangunan dari segi pembangunan masyarakat Orang Asli telah dapat dilakukan. Dari segi bukan hanya reformasi kebelakangan ini tetapi transformasi masyarakat itu sendiri. Oleh kerana itu kita yakin bahawa Radio ini telah membawa banyak kejayaan di semua lapangan bagi masyarakat Orang Asli. Pada masa ini tentulah dua bahasa dialek yang kita lakukan yang dianggap memadai untuk secara keseluruhan bagi semua 16 suku kaum yang lain. Namun demikian, setelah pemulihan ekonomi barangkali kita boleh fikirkan untuk menambahkan transmitter yang lebih canggih agar liputan ini dapat menjangkau seluruh pelosok di mana masyarakat suku-suku lain berada.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingat lebih kurang dengan Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin cuma saya ingin tahu apakah sebenarnya kriteria untuk mewujudkan supaya satu-satu bahasa itu diberi slot di dalam siaran radio sebab kita lihat di negara kita, saya ambil negeri Sabah sebagai contoh, ia mempunyai dialek bahasa etnik tidak kurang 28. Seandainya ini semua dilayan akhirnya berapa hari baru dapat kita mendengar bahasa-bahasa ibunda yang terdapat di negeri Sabah sahaja. Jadi kalau kita ambil keseluruhan negara, apakah kriteria sebenar untuk membolehkan satu-satu bahasa itu atau dialek itu disiarkan melalui siaran radio pada masa ini dan masa akan datang. Terima kasih.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih, tentulah rasional di sebalik perancangan kerajaan menerusi siaran

radio dan TV ini terutama khususnya mendaulatkan bahasa Malaysia dan lain-lain dialek adalah khusus kepada masyarakat yang kependudukannya majoriti.

**Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang mendengar Siaran 7 ini dan bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu walaupun intonasinya berbeza sedikit. Saya ingin tahu iaitu:

- (i) adakah bahasa Melayu yang digunakan itu merupakan salah satu daripada bahasa etnik Orang Asli; dan
- (ii) daripada apa yang saya lihat respons daripada orang ramai bila mereka berinteraksi melalui telefon, mereka yang menelefon hanya datang dari Johor Bahru, Petaling Jaya dan Shah Alam. Inilah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi.

Sejauh manakah ia memberi manfaat kepada Orang-orang Asli yang tinggal di pinggiran dan berjauhan daripada bandar-bandar. Terima kasih.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, daripada awal jawapan saya tadi telah meliputi mengenai dapat kita bangunkan masyarakat Orang Asli menerusi media radio ini.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang awal tadi saya terlupa.

**Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Bahasa Melayu yang digunakan.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Oh, Bahasa Melayu. Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya ada dua dialek dan Bahasa Kebangsaan dibuat iaitu dialek Semai, Temiar dan bahasa Malaysia sendiri. Kalau Yang Berhormat dengar ada percampuran, barangkali seluruh masyarakat Orang Asli sudah fasih dengan bahasa Malaysia.

#### **DRAF AKTA ANAK 1998 - PERKEMBANGAN**

3. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah perkembangan terhadap draf Akta

Anak 1998 yang memerintahkan ibu bapa membayar bon apabila anak mereka bersalah dalam kes sosial.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, draf Akta Anak 1998 telah pun diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Masalah-masalah Sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 26 Februari 1998. Buat masa ini draf tersebut sedang diteliti oleh berbagai agensi yang berkepentingan termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan khususnya Jabatan Peguam Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan bercadang membentangkan rang undang-undang yang baru ini di Parlimen tidak lama lagi sebaik sahaja kerja-kerja drafting selesai dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara. Isu sama ada undang-undang ini akan memerintahkan ibu bapa membayar bon apabila anak mereka bersalah dalam kes sosial telah pun diambil kira oleh Jawatankuasa Kabinet.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa banggalah bahawa deraf telah pun lulus dan akta ini akan diangkat ke Parlimen. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial ini begitu menjadi-jadi di negara kita ini. Kita ada masalah dadah, punk, bohsia, buang anak luar nikah, bercerai, dera dan berbagai lagi. Jadi masalahnya sekarang ini, dengan kita meluluskan deraf ini, dengan kita membawakan ke Parlimen ini, adakah ia mengurangkan masalah sosial ini, sebab kita mesti tahu punca dan sebab utama mengapa terjadinya masalah sosial ini. Kalau kita tidak pergi kepada puncanya, kita buat banyak lagi rang undang-undang, ia akan menjadi-jadi juga. Jadi perkara ini saya tidak mahu sebut kaum-kaum yang terlibat tetapi terasa sedih sangat, perkara ini berlaku menjadi-jadi dan saya bercakap di sini, apa yang kerajaan hendak ambil tidak cukup setakat ini dan saya rasa lebih daripada ini lagi kita mesti ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita pergi ke mana-mana sekarang ini, kita jumpa berdua-duaan, bertudung ada, yang tidak bertudung ada, cukup teruk sekarang ini. Di Sunway misalannya, lepas sahaja pekerja kilang, dengan motosikal dengan sport car menunggu sahaja untuk hendak mengambil anak-anak yang bekerja di situ. Apa tindakan kita buat, adakah kita perlu mengadakan sekolah agama di kilang-kilang ini, adakan di hostel mereka, mereka ini datang dari kampung-kampung yang tidak ada kebebasan, bila sampai di Kuala Lumpur ada kebebasan. Jadi kerajaan tidak cukup setakat ini mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah sosial di dalam negara kita ini, Tuan Yang di -Pertua.

**Seorang Ahli:** Marah ni

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah sosial ini telah bertambah lebih dari apa yang kita lalui di masa yang lampau, jadi oleh kerana itulah kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jadi Jawatankuasa Kabinet ini telah bermesyuarat beberapa kali, satu faktor ataupun satu perkara yang patut diatur supaya akta yang ada lebih-lebih lagi berkenaan dengan umur, ada akta 21 tahun, ada yang 18 tahun ke bawah, ada yang kurang dari itu.

Jadi difikir oleh Jawatankuasa Kabinet perlu akta yang ada kaitan, misalnya draf Akta Anak ini menggabungkan 3 akta utama iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, dan berasaskan kepada prinsip-prinsip am, konvensyen mengenai hak kanak-kanak. Apabila masanya sampai sekiranya kanak-kanak ada membuat kesalahan, jadi inilah yang perlu dibuat

Mengenai masalah sosial yang lain, Tuan Yang di -Pertua telah maklum dan semua kita telah maklum iaitu apa sebab perkara ini terjadi, mengikut jawapan dari kementerian di dalam Dewan Rakyat ataupun di Dewan yang mulia ini, iaitu perkara ini terjadi oleh kerana, yang pertama iaitu kanak-kanak atau ibu bapa banyak masalah. Masalah pertama bercerai di antara suami isteri, apabila bercerai, isteri kahwin baru ataupun suami kahwin baru, jadi ada bapa tiri, ada emak tiri.

Perkara ini banyak terjadi dan yang lain pun banyak masalah. Oleh kerana ekonomi kita dalam 10 tahun yang lalu telah masuk ke era - iaitu ekonomi kita ini memang banyak memberi peluang, kesenangan, isteri pun bekerja, jadi perkara ini telah terjadi, memang banyak masalah yang telah diketahui oleh kerajaan dan kita semua. Oleh kerana itu, disebabkan kesedaran inilah maka satu Akta Kanak-kanak akan dibentangkan dan yang lain sedang dijalankan.

Jabatan HAWA misalnya telah mengadakan kursus kepada remaja, kepada yang akan berkahwin ataupun yang ada anak satu atau dua. Memang perkara ini sedang dijalankan oleh kementerian sesungguhnya. Saya rasa apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi memang betul iaitu masalah sekarang memang banyak. Jadi kita haraplah semua pihak dari yang di atas ibu bapa, ketua-ketua masyarakat, ketua kaum, semua mesti terlibat supaya kita semua dapat mengurangkan masalah sosial di kalangan kita semua.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Jamilah binti Ibrahim.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, punca kegawatan sosial menjadi bertambah gawat, saya rasa di antara faktor penting adalah kerapuhan akidah. Soalan saya, adakah pihak kerajaan, di bawah Jabatan Agama Islam membuat kajian serta mengadakan suatu pelan induk untuk mengatasi perkara ini dengan secepat mungkin?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan Jabatan Agama.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Ya, pihak kerajaan.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tentu sedar iaitu Jabatan Agama Islam di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri, tetapi tadi saya sebutkan berkenaan dengan akta ini pun Jabatan Agama Islam akan diambil untuk memberi pandangan beliau, memang tentu ada. Tetapi kalau Yang Berhormat mahu tahu lebih lanjut lagi mungkin dalam Mesyuarat akan datang boleh tanya Jabatan Perdana Menteri.



**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Hanipah bin Ahmad.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Saya mengucapkan berbanyak terima kasih terhadap jawapan yang telah diberi oleh pihak kerajaan dan saya juga bersetuju masalah sosial yang ada di negara kita bertambah gawat daripada satu masa ke satu masa. Saya ingin mendapat pandangan pihak kerajaan kerana kegawatan masalah sosial ini sebagai contoh yang berlaku pada masa dahulu tidak berlaku, sekarang sudah berlaku. Contohnya dua kejadian dalam sebuah negeri iaitu 'pesta seks' atas bumbung. Yang kedua pertandingan ratu cantik pondan. Jadi ini masalah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Di Perliskah itu, di mana?

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** .... di sebuah negeri yang ke selatan daripada negeri Perlis. *[Ketawa]* Ini masalah gejala sosial yang baru berlaku dan kita tidak dapat nafikan perkara ini akan berlaku berterusan. Jadi pada pandangan kerajaan kalau ini berterusan apakah yang akan terjadi kepada masyarakat khususnya masyarakat muda mudi kita di zaman yang akan datang. Adakah kerajaan mempunyai satu kaedah yang lain supaya kaedah-kaedah membanteraskan gejala sosial ini dapat kita tingkatkan supaya semua golongan yang terlibat akan sama-sama memainkan peranan bagi mengatasi masalah tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini sebenarnya di bawah Akta Kanak-kanak 1998.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Saya hendak bertanya tadi, adakah akta lain, selain daripada akta yang berkenaan?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, ini semua menyentuh masalah sosial, jadi saya sudah memberi keterangan sebanyak sedikit tadi, kalau Yang Berhormat ada pertanyaan yang spesifik

boleh ulang sekali lagi tetapi saya dengar hanya cerita tentang masalah sosial, pasal ratu cantik tetapi dalam enam, tujuh bulan ini tidak ada saya dengar pertandingan ratu cantik di sini yang diadakan melainkan yang ada di Shah Alam ataupun di negeri Selangor dahulu. Jadi itu sahaja.  
[Ketawa]

### **TEKNOLOGI PENGURUSAN DI KALANGAN PETANI BAGI BEKALAN MAKANAN**

4. **Tuan S. Parasuraman** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian berjaya meningkatkan bekalan makanan di negara ini; dan sejauh manakah teknologi dan pengurusan terbaru diamalkan di kalangan petani-petani di negara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 1985 hingga 1995 nilai ditambah atau value-added, dengan izin, komoditi makanan telah meningkat dengan kadar purata 4 peratus setahun. Kadar peningkatan purata tahunan mengikut komoditi adalah seperti berikut:

<u>Jenis</u>	<u>Jumlah (Peratus)</u>
Padi	0.7/peratus
Buah-buahan	9.9 “
Sayur-sayuran	8.3 “
Perikanan	25 “
Ternakan	6.1 “

Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian menyumbang kepada peningkatan bekalan makanan negara melalui pambangunan teknologi tanaman dan ternakan. Pemindahan teknologi kepada petani, penternak dan nelayan, pengeluaran benih yang bermutu, penyediaan infrastruktur, perlindungan tanaman dan ternakan, pemberian kredit dan menggalakkan projek-projek pengeluar makanan secara berkelompok dan komersial.

Pembangunan teknologi dijalankan oleh institusi-institusi penyelidikan iaitu MARDI, Institut Penyelidikan Perikanan dan Institut Penyelidikan Veterinar.

Teknologi yang dihasilkan merangkumi penghasilan variety dan klon tanaman serta baka-baka ternakan yang bermutu tinggi. Rumusan makanan baru untuk ternakan dan akuakultur. Makanan segera penemuan spesies dan kaedah baru membiak dan menternak ikan, udang, kerang, pengeluaran vaksin untuk ternakan dan teknik atau sistem baru seperti sistem pembersihan kerang, karangan, teknik kawalan serangga dan teknik pemindahan embrio.

Teknologi terkini dipindahkan kepada petani dan penternak melalui agensi-agensi perkembangan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Perikanan. Perlindungan tanaman dan ternakan dijalankan melalui pemeriksaan dan kuarantin di tempat-tempat kemasukan import untuk menghalang penyakit dan makhluk perosak dari luar negara masuk mengancam tanaman dan ternakan. Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian juga memberi nasihat, mencegah dan mengawal penyakit dan makhluk perosak tanaman dan ternakan. Agensi-agensi tersebut menyumbangkan kepada peningkatan bekalan makanan dalam negara melalui teknik teknologi lepas tuai yang baik supaya kerosakan makanan dikurangkan misalnya melalui penggunaan bekas plastik untuk sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan.

Promosi amalan lepas tuai yang baik dilakukan oleh FAMA dan LKIM. Teknologi dan pengurusan terbaru digunakan di kalangan petani-petani ini termasuk penggunaan struktur pelindung hujan dan kalis serangga untuk tanaman sayur-sayuran dan kaedah pengeluaran sayur-sayuran tanpa tanah iaitu cara hidroponik. Dalam sektor beras, petani-petani kebanyakannya menggunakan teknologi tabur terus dan jentuai yang menjimatkan penggunaan tenaga manusia. Secara umumnya penanam-penanam padi juga menggunakan pengurusan makhluk perosak secara bersepadu/integrated pest management dengan izin. Di sektor perikanan bot-bot laut dalam menggunakan fish finder dan kementerian ada perancangan melengkapkan bot-bot laut dalam dengan alat pengesanan melalui satelit. Dalam sektor ternakan ayam daging dan telur dikeluarkan secara teknologi terkini dan secara intensif.

**Tuan Mustaffa kamal bin Mohd. Nawi:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Mustaffa kamal bin Mohd. Nawi.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Kita berterima kasih kepada Kementerian Pertanian kerana usahanya untuk menambahkan makanan dan kita pun tahu bahawa kita selalu diberitahu dalam akhbar atau dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan bahawa Tabung Peruntukan Penggalakan Pertambahan Makanan ini telah diperuntukkan akan tetapi masih banyak lagi bakinya tidak digunakan, saya rasa hanya 30% yang diambil pada masa ini. Dan kita banyak menerima sungutan-sungutan dan aduan daripada rakyat sekalian yang ingin membuat pinjaman bahawa syarat yang dikenakan oleh Bank Pertanian untuk mengambil tabung terlalu ketat, dia kata, kalau tuan ada RM1 baru boleh kami bagi RM1. Jadi, peminjam-peminjam datang kepada saya membuat aduan, kalau saya sudah ada RM1 saya tidak perlu pergi bank ambil RM1. Jadi saya ambil RM1, ini saya tanam cili sudah boleh jadi duit. Jadi saya minta, apakah Kementerian Pertanian ada cara-cara lain memberi ringan sedikit, macam jaminan CGC untuk memudahkan kita terutama petani-petani yang di luar bandar yang agak miskin untuk mendapatkan kemudahan tabung ini. Sekian.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mustaffa. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa sektor pertanian adalah berisiko tinggi dan sektor pertanian mempunyai risiko yang agak tinggi ini disebabkan oleh berbagai-bagai persoalan. Pertamanya oleh keadaan cuaca, iklim, oleh keadaan tidak menentu kemarau panjang ataupun berbagai-bagai lagi. Jadi, dengan sebab itu kementerian bersama-sama dengan Kementerian Kewangan kerana syarat ini ditetapkan oleh Kementerian Kewangan, tetapi kebanyakan pinjaman pertanian dibuat menerusi Bank Pertanian maka kelonggaran syarat-syarat ini tidak akan dapat dijalankan kalau tidak dilonggarkan boleh Kementerian Kewangan. Jadi dengan sebab itu apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kalau ada RM1 dapat RM1, itu dari segi aset, bukan dari segi nilai mata wang. Jadi, misalnya tabung 3F ada RM1 bilion memanglah benar pinjaman baru diluluskan sebanyak RM300 juta sahaja. Jadi, ada lagi dijangka RM700 juta tetapi syaratnya pinjaman itu mesti dicagar dengan

tanah. Kalau value tanah itu RM1 juta boleh pinjam RM1 juta, kalau value tanah RM10,000 boleh pinjam RM10,000 kerana Bank Pertanian tidak boleh melonggarkan lagi pengalaman yang lalu hampir-hampir Bank Pertanian bankrap.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa kali kita mendengar pihak kementerian mengumumkan bahawasanya Malaysia sebagai negara yang kaya dengan tanah tetapi masih mengimport bahan-bahan makanan sehinggakan sampai dekat RM10 bilion setahun. Jadi, saya ingin tahulah selepas mendengar taklimat ucapan dasar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana canggihnya perancangan dari segi pembangunan sektor-sektor pertanian, ternakan dan ikan. Apakah perancangan terperinci yang kini dibuat oleh pihak kementerian bagi menentukan bagi RM10 bilion yang kita import ini akan berkurangan pada tahun 1999, 2000 sampailah 2020 supaya 'on the ground', di atas tanah ini, yang kita kaya dengan tanah ini mereka dapat mengikuti secara terperinci juga cara hendak mengatasi masalah ini. Misalnya daripada Pahang kita banyak tanah yang begitu kaya dan subur, Terengganu pun ada, Kelantan pun ada, rata-rata ada. Apakah tanggungjawab negeri Pahang misalnya yang ditentukan oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah ini dan juga negeri-negeri lain, maka barulah berkemungkinan kita dapat mencapai matlamat untuk mengurangkan import ini. Jadi kalau dapat pihak kementerian beritahu, kita amat bersyukur.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz seorang ahli veteran, saya rasa yang banyak pengalaman yang ..

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya masih belum veteran, masih muda lagi ini. *[ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Maksud saya dari segi politik, bukan dari segi usia, usianya masih remaja. *[Ketawa]* Memang kita mengalu-alukan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, cuma yang mengelirukan ialah mengapa import bahan makanan kita sampai RM10 bilion.

Saya sudah jelaskan beberapa kali import tinggi sebab dasar kita dulu sebelum kegawatan ekonomi kalau barang itu murah maka dasar kita import saja, tak perlu tanam, sebab itulah masa kita belum gawat, kita import sahajalah. Kubis murah kita import, tanam padi murah kita import beras, daging murah kita import, susu import, jadi tidak hairanlah. Tapi selepas kegawatan ekonomi kita telah mengenal pasti barang yang kita boleh keluar sendiri, insya-Allah, kita berusaha hendak dikeluarkan sendiri. Dalam RM10 bilion itu kita anggar RM4 bilion tidak boleh keluar sebab dia memerlukan keadaan cuaca yang sama dengan negara-negara berhawa sederhana. Gandum tidak boleh keluar, gula mungkin kita tidak boleh keluar, cuma boleh keluar di Cuping ataupun di Padang Besar 20% sahaja, 80% kita tidak ada tanah yang kemarau tiga bulan. Dia hendak bahagian utara tidak cukup tanah, jadi yang ini kita tidak boleh keluarkan, tetapi kita boleh keluarkan misalnya tanaman jagung, jadi kalau negeri Pahang dapat menyediakan 20,000 ekar tanah untuk tanaman jagung, insya-Allah, makanan ternakan tidak payah diimport lagi. Negeri Johor telah menyedia 10,000 hektar.

Jadi saya harap Ahli Yang Berhormat dari Pahang dapatlah berbincang dengan Yang Amat Berhormat dapat siapkan 10,000 ekar, Perak siapkan 10,000 ekar dan di negeri lain, di Sabah dan Sarawak 20,000 ekar, tak payah import lagi dan pengeluaran jagung secara besar-besaran viable, tapi 10 ekar, 5 ekar tak viable, kita tidak boleh buat. Begitu juga ternakan lembu tak payah import lagi. Kalau tuan-tuan punya estate kelapa sawit ada 1.2 juta hektar sambut cabaran kementerian ternak lembu dalam ladang kelapa sawit tak payah import malah eksport pula, sebab kita sesuai dengan makanan pelepah daun sawit.

Jadi, pendek kata, kalau hendak bercakap tentang apa keperluan kita ini, saya rasa banyak dan kita memerlukan sokongan kerajaan negeri. Kementerian Pertanian bercakap buat dasar tetapi hendak bertanam atas tanah, tanah itu ialah kuasa kerajaan negeri. Jadi, sebab itu kita merayulah dengan kerajaan-kerajaan negeri penyelarasan sering dibuat dengan Ahli-ahli Exco Pertanian dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong kita supaya import kita dapat kita turunkan pada tahun akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan.

**Dato' P. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya kemukakan soalan No. 5.

#### **CARUMAN CPF -PENGELUARAN**

5. **Dato' P. Krishnan [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai langkah-langkah kerajaan untuk membantu pada pencarum yang telah berhenti bekerja di negara jiran untuk mendapatkan CPF.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah pun mengemukakan permintaan untuk membantu para pencarum ini iaitu CPF secara rasmi semasa lawatan Perdana Menteri Singapura ke Malaysia pada bulan Februari 1998. Perdana Menteri Goh Chock Tong telah memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa Kerajaan Singapura akan menimbangkan permintaan tersebut.

#### **DASAR PENSWASTAAN - KEJAYAAN**

6. **Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan dasar penswastaaan telah berjaya mewujudkan perkhidmatan yang berkesan dan meringankan beban pengguna dalam bidang keperluan asas dan sebagainya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastaaan telah banyak mendatangkan faedah kepada pengguna, menerusi konsep penswastaaan ini perkhidmatan yang lebih baik dapat disediakan hasil daripada peningkatan kecekapan untuk faedah semua pengguna. Dasar penswastaaan dilaksanakan dengan tujuan supaya perkhidmatan yang diswastakan tersebut dapat disediakan secara lebih cekap dan inovatif, standing dengan perkhidmatan berkenaan yang disediakan di negara-negara maju. Sejak diswastakan banyak industri perkhidmatan yang berkenaan telah berkembang dengan agak baik dan telah menawarkan pelbagai perkhidmatan baru yang bermutu tinggi. Sekiranya perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan kekal disediakan oleh kerajaan, orang ramai mungkin tidak dapat

menikmati kemudahan seperti yang ditawarkan sekarang memandangkan keupayaan kewangan kerajaan yang terhad dan perlu disalurkan kepada perkhidmatan yang lebih penting seperti pendidikan, kesihatan, program-program membasmi kemiskinan dan sebagainya.

Bagi memastikan kepentingan pengguna dapat dilindungi selepas penswastaaan kerajaan telah membentuk badan-badan kawal selia yang bertanggungjawab mengawal selia agensi-agensi yang diswastakan. Badan-badan ini bertanggungjawab antara lain untuk melindungi pengguna termasuk menentukan supaya kadar tarif adalah berpatutan. Dalam hubungan ini, bagi memastikan kadar tarif yang ditetapkan berpatutan, kerajaan akan memastikan bahawa caj yang dikenakan adalah munasabah dan tidak akan membebankan pengguna, di samping itu sebarang kenaikan tarif ataupun caj perlulah mendapat kelulusan kerajaan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sebarang penswastaaan kita harap tidak membebankan pengguna, apakah Yang Berhormat sedar bahawa penswastaaan air oleh Kerajaan Kelantan kepada Kelantan Water memberi beban kepada rakyat Kelantan kerana bukan sahaja caj ataupun bayaran air meningkat malah walaupun bayaran bil meningkat, tapi air tak keluar. Jadi, apakah pihak kerajaan Kelantan ada mendapat nasihat daripada Kerajaan Pusat dan pada masa yang sama apakah Kerajaan Pusat bercadang untuk memberi khidmat perunding kepada kerajaan yang tidak tahu mengurus mengenai kepentingan rakyat.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, inilah susahny kalau sekiranya kita tidak tahu mengakui diri kita tahu, sebab kalau kita hendak melaksanakan satu projek apatah lagi projek ini projek besar, perlulah kita berpandu dan mendapat nasihat daripada orang yang lebih tahu dan berpengalaman. Sekarang apa telah terjadi pada kelantan sebagaimana terjadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun kita amat simpati dengan rakyat Kelantan, sebab selalu banyak projek lain yang Kerajaan Kelantan hendak laksanakan kalau ada kaitan dengan Persekutuan, kita sentiasa sanggup memberi nasihat dan pandangan apa patut dibuat. Jadi, bagi saya sepatutnya rakyat Kelantan



mesti mendesak sesuatu kepada Kerajaan Kelantan supaya membetulkan perkara yang silap berlaku ini.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Allah S.W.T meletakkan satu formula kalau kita tahu kita bertanya kepada orang yang tahu. Apakah Kelantan sahaja menghadapi kekeringan air bahkan di Selangor tidak menjeritkah penduduk Selangor, saya minta jawapan.

**Dato' Haji Muhamah bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sedangkan kita menggunakan pakar yang tahu, kita juga menghadapi masalah apatah lagi kalau sekiranya orang yang tidak tahu, tidak mahu bertanya kepada orang yang tahu, maka lagi mendapati masalah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri sama ada kerajaan bercadang untuk mewujudkan Majlis Penswastaaan Negara yang kita boleh panggil MAMPAN supaya majlis ini yang terdiri daripada wakil pengguna, wakil agensi, wakil kerajaan dapat membincangkan masalah-masalah yang akan timbul akibat daripada kita laksanakan dasar penswastaaan. Sebab sekarang ini kalau kita bagi satu syarikat mendapat konsesi lebuhraya misalnya, telekom misalnya, kemudahan awam, mereka ini kadang-kadang seolah-olah tidak membincangkan dengan pihak kerajaan membuat estimate cost dan sebagainya. Misalnya Tenaga Nasional sekarang ini, pembangunan tenaga nasional seluruh negara kita tengok pencawang kecil, pencawang besar, alat jentera, tiang ditukar dan sebagainya, lepas itu dia kata kos tinggi, kemudian hendak bebaskan kepada rakyat. Inilah yang saya sebutkan tadi sama ada kerajaan akan mewujudkan Majlis Penswastaaan Negara yang di mana semua perkara ini akan dibincangkan dulu, selepas itu buat satu dasar dan menentukan sebab semua syarikat yang mendapat konsesi ini syarikat yang dibiayai bersama oleh kerajaan. Oleh sebab itu maka tidak seharusnya dibiarkan menentukan dasar-dasar sewenangnyanya yang akhirnya membebaskan rakyat. Kita takut jadi macam Indonesia, bila rakyat protes maka akhirnya orang-orang tertentu yang akan menjadi mangsa.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mana-mana projek sama ada projek itu dikelolakan 100% oleh kerajaan ataupun swasta memerlukan peruntukan yang besar. Kita selalu menyatakan bahawa projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan dahulu adalah merupakan subsidi daripada kerajaan, tidak dikira keseluruhan, sebab itu apabila kita swastakan sudah tentu pihak swasta menggunakan peruntukan yang banyak. Kalau sekiranya kerajaan untuk membangunkan pembangunan kepada rakyat bagi memberi kemudahan yang lebih selesa, kerajaan mesti juga mencari peruntukan sama ada menggunakan pinjaman daripada dalam negara atau luar negeri. Apabila hendak membayar pinjaman kerajaan juga terpaksa mengenakan cukai, itu memang proses biasa. Begitu juga penswastan, dia menjalankan projek menggunakan pinjaman, apabila hendak membayar pinjaman terpaksa juga mengenakan cukai, itu pun cukai itu dipertimbangkan dengan sebaik mungkin.

Sebab itulah apa yang kita laksanakan sekarang memang diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh kerajaan walaupun tidak ada Majlis Penswastan Negara, kita ada Unit Perancang Ekonomi setiap pusat dan juga negeri. Negeri pun memikirkan perkara ini dengan cara yang mengikut keadaan ekonomi, mengikut dasar bagaimana hendak membuat satu-satu projek, begitu juga Kerajaan Persekutuan. Jadi setakat ini kerajaan berpuas hatilah dengan mekanisme yang ada dengan agensi tertentu yang kita ada bagi menjalankan penswastan. Mungkin oleh kerana pengalaman-pengalaman yang lama, kita berpengalaman sejak tahun 1983, mungkin kita kekurangan pengalaman-pengalaman, kita akan perbaiki.

Saya juga ingin menyatakan di sini kita telah menyelamatkan belanja kerajaan sejak tahun 1983 daripada segi kos pengurusan ialah RM7.1 bilion sejak tahun 1983 apabila kita swastakan. Kos pembangunan kita telah menyelamatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM103 bilion, bererti kita telah tidak menggunakan duit kerajaan tetapi kita menggunakan duit penswastan, tapi saya nyatakan bahawa penswastan ini adalah membuat pinjaman yang perlu kepada pembayaran. Juga kita mendapat hasil daripada penjualan syarikat-syarikat

kerajaan dan aset kerajaan yang kita dapat ialah RM23.8 bilion sejak tahun 1983. Jadi ini semua dapat menyelamatkan dan menjimatkan kewangan kerajaan apabila kita swastakan. Saya percaya kita akan terus dengan penswastan ini tetapi kita berhati-hati dan kita mengambil pengalaman-pengalaman dari masa ke semasa untuk memperbaiki keadaan lagi.

#### . SAMSENG JALAN RAYA - LANGKAH MENGATASI

7. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah samseng jalan raya yang nampaknya mula menular di negara ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan Yang Berhormat. Kerajaan adalah memandang berat akan wujudnya gejala samseng di jalan raya atau keganasan jalan raya kebelakangan ini. Samseng jalan raya boleh ditafsirkan sebagai suatu perlakuan yang boleh menakutkan, mencederakan atau menganiaya orang lain. Mengikut tafsiran ini perlakuan sedemikian adalah suatu perlakuan jenayah. Pada tahun 1997 kita mendapati 501 kes dan bagi tahun 1998 ini sehingga bulan Mac jumlah kes yang telah dilaporkan ialah sebanyak 134.

Keganasan jalan raya lazimnya dilakukan oleh seseorang pemandu terhadap pemandu atau pengguna jalan raya yang lain sama ada beliau tidak berpuas hati akan sesuatu yang dilakukan oleh pihak lain atau dengan secara sengaja untuk menakutkan pihak-pihak lain. Dalam hubungan ini Kementerian Pengangkutan telah mengadakan bengkel bagi membincangkan isu samseng jalan raya. Maklumat yang diperolehi hasil dari perbincangan tersebut menunjukkan bahawa antara punca-punca yang boleh mendorong berlakunya keganasan jalan raya adalah seperti berikut:

- (i) Sikap terlalu emosional dan tidak sabar semasa terperangkap dengan kesesakan jalan raya.
- (ii) Masalah sosial dan kehidupan moden, tekanan kerja, masalah keluarga dan tekanan perasaan.
- (iii) Masalah disiplin di jalan raya iaitu sikap mementingkan diri sendiri dan kurang bertimbang rasa dan bertolak ansur.

Dalam hubungan ini bengkel berpendapat bahawa sikap dan perilaku negatif ini perlu ditangani. Menyedari akan adanya kaitan gejala samseng di jalan raya dengan tahap keselamatan jalan raya maka kerajaan telah dan akan terus mengambil daya usaha bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di negara kita. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

- (i) memperkenalkan kurikulum baru sekolah memandu iaitu pembelajaran secara teori mengenai sikap, tanggungjawab, tata kelakuan serta etika pemandu, panduan serta peraturan jalan raya. Pengetahuan asas mengenai

kenderaan, komponen serta fungsi dan penyelenggaraan kenderaan. Konsep pemanduan berhemat yang merangkumi punca-punca kemalangan. Cara mengelak kemalangan, peraturan jarak dan peraturan memotong;

- (ii) menggubal kaedah bagi mewajibkan bakal pemandu kenderaan perdagangan menjalani pemeriksaan perubatan secara terperinci bagi memastikan semua bakal pemandu kenderaan perdagangan sihat mental dan fizikal;
- (iii) menggubal kurikulum bagi lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam dan lesen pemandu kenderaan barang-barang yang merangkumi pembelajaran mengenai dasar-dasar kerajaan. Pengurusan stress, imej, komunikasi dan konsep pemanduan berhemat; dan
- (iv) menyemak semula peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah di bawahnya bagi mengenakan hukuman yang lebih berat termasuk hukuman penjara mandatori.

Pada ketika ini samseng jalan raya di bawah kanun keseksaan boleh dipenjara hingga 20 tahun, dirotan dan juga didenda dan lesen mereka ditarik. Tetapi nampaknya mereka masih lagi tidak takut kerana itu cadangan hukuman mandatori ini akan dikemukakan tidak lama lagi.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Kita banyak membicarakan masalah lanun jalan raya ini, tentang pemandu-pemandu yang menjadi lanun tetapi kita dapati di dalam akhbar mangsa kepada kerja-kerja yang dilaksanakan oleh samseng jalan raya ini. Sejauh manakah mangsa yang terlibat dapat di 'cover', dengan izin, oleh insurans yang kita 'cover' kereta itu ataupun lain-lain kedudukan ataupun pandangan kerajaan untuk membiayai mangsa yang dilakukan oleh lanun jalan raya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ianya terdapat dalam Akta Kanun Keseksaan jadi mahkamah akan buat keputusan apakah bayaran yang patut dibuat oleh yang bersalah kepada pihak yang telah dikenakan jenayah ataupun telah dibuli oleh yang berkaitan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Apakah definisi samseng jalan raya yang sebenarnya. Apakah ianya terhad kepada penunggang-penunggang motosikal ataupun yang berlumba secara haram. Sebab ada juga yang tidak menggunakan kenderaan tetapi mengganggu lalu lintas. Contohnya waktu malam, di D' Modestos, Jalan P. Ramlee ataupun di Carlos, saya hendak tanya tadi masalah gejala sosial tetapi tidak dapat. Jadi kumpulan-kumpulan ini, anak-anak muda yang berkeliaran sampai pukul tiga, empat pagi, lebih-lebih lagi yang paling hebat sekali di D' Modestos, sampai tiga, empat pagi. Duduk di tepi-tepi jalan pakai pula bukan main hebat lagi, tidak senonoh sehingga kita yang tengok pun naik pening. Apakah ini kita boleh anggap sebagai kumpulan samseng jalan raya, jadi apakah tindakan pihak Kementerian Pengangkutan kerana ia mengganggu lalu lintas, ramai betul. Ini Yang Berhormat Dato' Zuki

dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz selalu pergi [*Ketawa*] bukan selalu pergi, pernah lalu kawasan itu, memang betul-betul mengganggu jalan raya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya dah jawab tadi erti samseng, bagaimanapun jika ada belia-belua dia pakai motor, dia pakai jaket lawa-lawa dan duduk di tepi jalan. Saya hendak tanya sahabat saya apakah pandangan beliau adakah itu samseng ataupun tidak samseng. Mengikut tafsiran kerajaan samseng jalan raya boleh ditafsirkan sebagai suatu perlakuan yang boleh menakutkan. Jadi jika Yang Berhormat fikir yang itu menakutkan maka boleh kita tafsirkan sebagai samseng. Mencedera atau menginaya orang lain, jadi kalau dia naik motor macam hendak melanggar orang itu kita tafsirkan sebagai samseng dan boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan. Mengikut tafsiran ini perlakuan sedemikian adalah satu perlakuan jenayah maka itulah kita bawanya di dalam kes jenayah. Jika belia-belua ini terlibat dalam perlumbaan motor haram maka kita akan dakwa dia dalam perlumbaan motor haram yang juga boleh dikenakan hukuman penjara dan juga hukuman sebat. Tetapi dalam pindaan akan datang kita ingin memasukkan supaya mereka yang terlibat dalam lumba haram dan juga yang menganjur dikenakan hukuman penjara mandatori ataupun penjara wajib.

#### **KWSP - JUMLAH WANG PADA AKHIR 1997**

8. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sebenar wang yang ada dalam tabung KWSP pada akhir tahun 1997; dan
- (b) berapakah jumlah pekerja-pekerja Malaysia yang mencarum dalam KWSP; dan berapakah jumlah caruman tahunan yang diterima oleh KWSP.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah dana KWSP sehingga 31 Disember 1997 ialah sebanyak RM132.4 bilion.
- (b) Jumlah pekerja yang mencarum dengan KWSP setakat 31 Disember 1997 ialah sebanyak 8,274,966 dari 296,299 majikan. Jumlah caruman tahunan bagi tahun 1997 yang diterima oleh KWSP ialah RM14.6 bilion dari pekerja dan majikan.

**Tuan Tee Thiong Hock:** Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu kepada kita berapakah jumlah wang daripada KWSP ini yang telah dipinjam kepada pihak korporat dan adakah kerajaan bercadang untuk menaikan kadar faedah ini kepada satu peringkat yang lebih sesuai reflektif kepada apa yang ada di bank-bank sekarang ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1997 pinjaman yang diberi oleh KWSP kepada pihak korporat ialah sebanyak 26.2% daripada caruman iaitu RM33,842 juta ataupun RM33.842 bilion. Tentang kadar faedah di dalam keadaan pasaran sekarang apabila pinjaman ini diberi pada masa sekarang akan diikuti dengan kadar faedah yang paling mutakhir.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, banyak duit KWSP ini RM132.4 bilion, dimana duit ini disimpan? Saya bukan hendak curilah, saya cuma hendak tahu dimanakah duit ini

disimpan di dalam negeri ataupun luar negeri dan bank mana? Bank tempatan, kalau Bank Bumiputera, berapa jumlahnya, Bank Islam, berapa jumlahnya ataupun ada bank-bank luar negara yang ada cawangan di sini dari segi pecahan, kalau ada, kalau tidak ada bolehlah beri jawapan kemudian secara bertulis. Tetapi saya ingin tahu dimanakah wang ini disimpan, dalam negeri berapa peratus, ataupun di luar negeri.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, daripada RM132 bilion ini, RM129.3 bilion dilabur iaitu yang lain disimpan bukan untuk tujuan menyimpan tapi ialah digunakan untuk kos mengurus KWSP sendiri. RM129 bilion ini disimpan atau 29.4% dilabur di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia iaitu tempat yang paling rendah risikonya. Instrumen pasaran wang 25.1%, pinjaman dan debentur seperti mana Yang Berhormat tanya tadi sebanyak 26.2%, ekuiti iaitu di dalam pasaran saham 19% dan di dalam hartanah 0.4%.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Baru-baru ini kita mendengar kerajaan telah pun menggunakan wang KWSP untuk membantu syarikat-syarikat di mana syarikat-syarikat ini menghadapi masalah dalam kegawatan ekonomi. Perkara ini hangat diperkatakan di kalangan pencarum-pencarum dan juga pegawai-pegawai kerajaan. Tambahan pula ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan dengan menohmah tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh kerajaan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah garis panduan yang dipakai oleh pihak kerajaan di dalam menggunakan wang KWSP ini untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah dalam kegawatan ekonomi dan bagaimana keyakinan kerajaan dengan kedudukan wang yang digunakan untuk tujuan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua. Jawapan saya ialah apa yang didakwa oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah tadi adalah tohmah belaka. Kerana tidak ada satu sen pun wang daripada KWSP yang digunakan untuk menyelamatkan ataupun bail-out mana-mana syarikat. Ingin saya bacakan di sini statistik di depan saya, iaitu kesemua wang KWSP yang digunakan dalam tahun 1997 adalah di bawah pinjaman yang di'guarantee'kan oleh pihak kerajaan. Jadi pencarum-pencarum tidak perlu bimbang tentang keselamatan wang ini. Misalannya kebanyakannya kepada PERWAJA dan PERWAJA dikehendaki membayar di dalam beberapa jangka masa yang tertentu dengan kadar 7 hingga 9.25%. Jadi ingin saya nyatakan di sini mengenai dengan apa yang ditohmah, saya faham yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah tadi ialah di dalam hal SIME Bank. Di dalam soal SIME Bank, bukan kita menyelamatkan. Penglibatan wang KWSP di dalam SIME Bank adalah melalui pemegangan ekuiti sebelum SIME Bank menjadi gawat. Di dalam MMC juga, ekuiti asalnya dan di dalam SIME Bank, KWSP memberi penyertaan pinjaman sebanyak 240 juta iaitu pada tahun 1992 pada kadar 9.75% dan pinjaman ini diserviskan ataupun diberi perkhidmatan dengan baik. Jadi di sini ingin saya tegaskan lagi, tidak ada satu sen pun wang KWSP yang digunakan oleh apa yang dikatakan bail-out di dalam mana-mana syarikat. Yang digunakan, yang diberi adalah 100% pinjaman yang di'guarantee' oleh kerajaan.

#### **DASAR KERAJAAN PERSEKUTUAN DI NEGERI-NEGERI**

**- CADANGAN MENGAJI PERLEMBAGAAN**

9. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dapat dilaksanakan di negeri-negeri terutama bagi perkara-perkara seperti tindakan segera untuk mengatasi kegawatan ekonomi dapat dipasti dilaksanakan. Adakah kerajaan bercadang mengkaji Perlembagaan Persekutuan untuk mempertingkatkan kerjasama yang lebih efisien di antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, penyaluran dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dijalankan melalui jentera pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang wujud di semua peringkat kementerian, jabatan dan agensi sama ada di peringkat persekutuan mahu pun negeri. Kerajaan berpuas hati dengan keberkesanan hubungan antara kerajaan negeri dan Persekutuan yang sedia ada. Yang demikian keperluan untuk mengkaji Perlembagaan Persekutuan tidak berbangkit. Lagi pula dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dapat disalurkan kepada dan dilaksanakan di negeri-negeri dengan cepat dan berkesan melalui mekanisme yang diperuntukkan yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan, umpamanya Majlis Tanah Negara dalam perkara 91, Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan dalam perkara 95A dan Majlis Kewangan Negara dalam perkara 108. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Soalan tambahan saya, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita baru saja dikejutkan dengan masalah krisis air dan masalah-masalah lain yang bersangkutan dengan tanah di mana pihak kementerian ataupun kerajaan sendiri menjawab, ini adalah masalah kerajaan negeri, masalah agensi itu dan agensi ini dan sebagainya. Begitu juga dalam masalah agama di peringkat negeri-negeri, berbeza-beza perlaksanaannya sehingga kadang-kadang kita rasa orang keliru. Jadi seperti Yang Berhormat sebut tadi, sekarang ini kerajaan mempunyai mekanisme yang agak cukup yang boleh kita laksanakan di peringkat hendak menyelaraskan perkara-perkara ini. Adakah kerajaan berpendapat masih ada ruang-ruang yang kerajaan perlu bertindak cepat untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat terutama sekali masalah krisis air, masalah penjelasan dari segi fahaman agama dan masalah-masalah lain yang bersangkutan dengan perkhidmatan awam seperti Tenaga Nasional lebuhraya seperti masalah tanah yang melibatkan agensi.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan, dalam Perlembagaan ada tiga senarai, Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan juga Senarai Bersama (concurrent) dengan izin. Jadi yang mana, yang oleh kerana kerajaan negeri pun ada kuasa-kuasa tertentu misalnya tanah, agama dan sebagainya, Perlembagaan Persekutuan melindungi perkara-perkara ini. Walau bagaimanapun untuk mengelakkan masalah kelambatan dan masalah penyelarasan, sebab itu dalam perkara-perkara yang terdapat dalam kuasa kerajaan negeri misalnya tanah sebab itu Kerajaan Persekutuan mengadakan Majlis Tanah Negara supaya menyelaraskan perkara-perkara ini supaya tidak ada perbezaan dalam pengambilan balik tanah dan sebagainya. Begitu juga baru-baru ini oleh sebab air ini ada di bawah kuasa kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menubuhkan Majlis Air Negara untuk memantaukan dan juga untuk menyelaraskan pembahagian air dan juga masalah air di seluruh negara. Jadi dalam hal ini apabila tidak diperuntukkan

dalam Perlembagaan, kerajaan menubuhkan berbagai-bagai majlis dan berbagai-bagai jawatankuasa untuk menyelaraskan perkara-perkara supaya melicinkan pentadbiran negeri-negeri dan juga Persekutuan. Begitu juga diadakan mesyuarat antara Menteri Besar dan Perdana Menteri dari masa ke semasa supaya dasar dan sebagainya dipercepatkan. Juga ada mesyuarat di kalangan Ketua Setiausaha Negara dengan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri dan sebagainya. Inilah mekanisme-mekanisme agar Kerajaan Persekutuan, dasar-dasar dan pelaksanaan dapat dijalankan dengan lebih cepat dan lebih sempurna lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah mencukupi.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 10 hingga 37 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1977) 1998**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang".  
*[21 Mei 1998]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Aziz sambung.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf Yang Berhormat, sebelum itu ada ramai lagi yang hendak bercakap berkenaan Perbekalan?

**Beberapa Ahli:** *[Mengangkat tangan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ramai lagi. Pendekkanlah ya.

**3.45 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung semula ucapan yang saya beri minggu lepas bagi menyokong Rang Undang-undang Pembekalan, Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997. Sebelum saya dicelah-celah oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin hari itu ingin saya mengemukakan dua, tiga perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali bersangkutan dengan tambahan berjumlah 39.8 juta kepada Kementerian Pendidikan.

Kita amat menerima baik dari segi dasar pihak kerajaan untuk menjadikan pendidikan sebagai pendidikan yang paling canggih di rantau ini. Walau bagaimanapun kecanggihan sistem itu bukan sahaja diwujudkan atas nama sekolah-sekolah bestari, di atas nama IPTS dan IPTA tetapi yang lebih penting ialah isi kandung satu-satu institusi itu sendiri. Adakah institusi pengajian tinggi kita misalnya mempunyai tahap pencapaian ilmiah yang tinggi, bagi menjadikan institusi ini sebagai yang pernah saya katakan dalam Dewan yang mulia ini, pusat untuk menjadikan pusat intelek negara kita, pusat ilmiah. Kita dapati baru-baru ini majalah *Asia Week* ada memuatkan satu penyelidikan atas nama Asia



Best University 1998 dalam tahun 1998. Universiti-universiti yang paling top, yang mutunya tinggi dari segi penyelidikan, dari segi pengiktirafan. Kita dapati di antara 65 universiti yang disenaraikan hanya 4 buah universiti dari negara kita termasuk dalam 65 ini. Yang termasuknya ialah nombor 33 - Universiti Malaya, lepas itu jauh ke bawah nombor 52 - Universiti Sains, nombor 53 - Universiti Kebangsaan dan corot sekali nombor 65 - Universiti Islam Antarabangsa. Faktor-faktor yang menentukan kecanggihan universiti ini antara lain ialah dari segi akreditasi menentukan universiti iaitu mempunyai pusat penyelidikan. Universiti Tokyo yang paling tinggi sekali, nombor satu dan sebabnya ianya nombor satu kerana setiap pensyarah di Universiti Tokyo, setiap seorang pensyarah menzahirkan dua kertas penyelidikan, kertas ilmiah, yang dimuatkan di dalam jurnal-jurnal antarabangsa.

Pernah saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, kalau kita hendak menentukan universiti-universiti kita itu dapat diterima oleh masyarakat-masyarakat akademik, ianya perlu sekali kita tentukan mereka ini mempunyai tahap keilmiahan yang tinggi. Cara mencapai tahap-tahap keilmiahan yang tinggi ialah dengan menerusi penyelidikan-penyelidikan. Baik dari segi penyelidikan isu-isu sosial, berkenaan belia ataupun isu-isu berkenaan dengan pembiakan, merancang dari segi penyelidikan tanah kita - kesuburan tanah kita. Cara-cara hendak menentukan tanaman seperti yang disebutkan iaitu MARDI dengan peruntukan RM19 juta hanya mampu, mengikut laporan yang terbaru mengeluarkan satu orkid dan juga satu telur bernama 'omega', saya sudah lupa - berkenaan tenusu. Tapi yang lebih penting ialah benih-benih lain. Kita tahu, kita hendak tanya Kementerian Pertanian, berapa banyak benih yang terpaksa kita impot daripada Thailand.

Ini menunjukkan bahawasanya kita masih lagi kurang mampu untuk hendak menzahirkan benih-benih yang canggih bagi cucuk tanam untuk seluruh pelosok negeri kita. Ini universiti yang saya sebutkan tadi ialah multidiscipline university iaitu mempunyai sekolah-sekolah ataupun disiplin yang berbeza-beza.

Bila kita pergi pula ke universiti yang specialise/yang khusus dari segi sains dan teknologi, kita dapati sebuah universiti sahaja di Malaysia iaitu nombor 17. Antara 30 universiti di Asia kita jatuh nombor 17 iaitu Universiti Teknologi kita di Sekudai. Apa sudah jadi kepada kita bila kita sebut kita hendak jadikan universiti kita ini universiti canggih. Sebenarnya masih belum canggih. Masih memerlukan banyak lagi kerja-kerja tertentu untuk hendak menguatkan kedudukan universiti kita supaya ianya dapat diterima. Yang hairannya, universiti-universiti yang sains ini tadi, yang paling tinggi sekali, top di antara universiti-universiti ialah Poh Hang University Of Science and Technologu South Korea. Bukan Jepun tetapi South Korea. Lepas itu, untuk makluman Dewan yang mulia, yang kedua dan ketiga di India, iaitu Indian Institute of Technology, Delhi dan Indian Institute of Teknology, Madras. Patutlah ia pandai mengeluarkan nuclear bomb. Ramai saintis di sana.

Jadi soal semacam ini, saya sebutkan hari itu di dalam Dewan, kita setiap satu juta manusia 400 sahaja saintis, yang boleh dipanggil saintis. Singapura 4,000. Jadi kita hendak pertingkatkan. Jadi proses pendidikan negara terpaksa mengarahkan, memberi fokus untuk menzahirkan ramai lagi intelek dan cendekiawan supaya benar-benar menjadikan negara ini membangun dan mempunyai ilmu secara ilmiah dan praktikal, dunia dan akhirat.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Menyampuk]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ha, ini Datuk Ibrahim bin Ali jangan kacau lagi ya. Saya akan beri peluang. Tuan Yang di-Pertua, Datuk Ibrahim bin Ali ada bisik dengan saya, dia hendak menyokong kuat tentang usul yang saya hendak bawa ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini peringkat universiti di mana kecanggihan kita terbukti belum lagi dapat dilahirkan. Tetapi kita juga pergi beralih kepada perancangan dari segi tenaga mahir. Saya sebutkan di sini kerana dua hari sudah ada faktor yang baru keluar. Mass media mengeluarkan faktor baru yang amat memeranjatkan. Ia menyatakan keperluan seluruh negara, 'charge man', ini orang yang bersangkutan paut dengan membuat elektrik-elektrik, 'charge man', saya tidak tahu macam mana dia sebut 'charge man', wireman ke apa. Kerana kita terlalu banyak memerlukan - kita hanya mempunyai 37 institusi-institusi latihan yang berjaya menghasilkan 600 orang setahun. Yang kita perlu ialah 5,000 electrical 'charge man' yang mampu kita keluarkan ialah 600 setahun daripada 37 institusi. Ini peringkat di mana mereka yang berkelulusan SPM tadi tidak dapat disalurkan menerusi institusi-institusi yang kita terpaksa banyakkkan kerana 'charge man' pun kita tidak dapat menepati lagi 600 setahun, keperluan 5,000. Jadi begitu juga dari segi penyelidikan. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding ada menyebut di sini kekurangan saintis yang amat kritikal, yang amat serius. Dalam kajian dua tahun yang dibuat kita dapati kekurangan di Malaysia ini 20% daripada saintis, jurutera dan juruteknik dalam sektor industri. Dan dari sektor elektronik dan elektrik di mana kita hendak buat multimedia dan sebagainya ini kita kekurangan 34.4%.

Saya hendak tanya pihak kerajaan dalam kita menjuruskan Wawasan 2020, dari segi tenaga manusia (human resources), kementerian mana yang benar-benar mengkaji, adakah Kementerian Sumber Manusia, mungkin kerana itu skill dan semi-skill, adakah EPU, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, siapa yang bertanggungjawab sebagai satu 'one-stop-agency'? Mengkaji keperluan tenaga mahir hari ini, hari esok sehingga tahun 2020. Kalau kita tidak mempunyai kerangka kajian semacam ini, mempunyai 'mind set' hendak menentukan bahawasanya perlu untuk kita melahirkan tenaga-tenaga mahir, saya bimbang kita tidak akan dapat mencapai tahap kecanggihan yang kita idam-idamkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniahlah, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan dapat RM400,000 daripada Menteri Kewangan - saya sudah sebut hari itu, rupa-rupanya hendak menentukan supaya mereka yang sudah ramai ini - saya diberitahu sekarang ini - 30,000 lebih bukan 60,000 - 36,000 mereka yang mendapat SPM Gred 1, hendak kita juruskan ke prauniversiti, memerlukan RM200 juta dari segi perbelanjaan dan RM200 juta lagi dari segi

infrastruktur. Ini bagus kerana mudah-mudahan mereka ini dapat terus kita juruskan (stream) kepada institusi-institusi pengajian tinggi – IPTS/ IPTA.

Tetapi dalam surat khabar pula, ada cerita – mereka daripada luar bandar hendak pergi mendaftarkan diri ke IPTA terpaksa membayar yuran sekali gus mula-mula sekali. Mana dia hendak dapat RM2,000 - biasiswa belum dapat lagi dan barulah kita sedar bahawa ini adalah satu masalah dan sekarang ini saya difahamkan kementerian sudah buat satu jalan. Perkara semacam ini, jangan kita biarkan anak-anak kita daripada kampung datang ke bandar menangis dengan ibu bapanya kerana semata-mata hendak menempatkan anak-anak ke institusi pengajian tinggi. Kita kena fikirkan terlebih dahulu, kalau sekiranya mereka terpaksa berdepan dengan pembiayaan RM1,000, RM2,000 pada masa pendaftaran, kita kena kaji – mereka tidak mampu, bayarlah kemudian hari.

Di Australia dan di mana-mana tempat begitu juga, selagi tidak bayar duit pendaftaran, selagi itulah keputusan peperiksaan tidak dapat dikeluarkan ataupun keputusan hendak naik ke tahun dua, tahun tiga juga tidak dapat diberi, di Australia buat macam itu, di England. Sekarang saya tidak tahulah, tetapi maksud saya disini kita terpaksa memikirkan kalau UPU Infoline tidak pernah di'parallel-run'kan tidak pernah dijalankan secara sejajar, dengan secara manual, bila kelim-kabut rupanya dapat 160 line daripada Telekom, dah kelim-kabut, hendak menangani panggilan telefon 300, 400, 600 panggilan dah tidak jalan. Sepatutnya hari itu, patut dibuat 'parallel-run' iaitu cara buat dua jenis, satu dengan cara UPU Infoline ini dan satu lagi dengan manual, barulah kita tahu apa masalah yang mungkin timbul, supaya ianya mengurangkan kegelisahan ibu bapa dari seluruh pelosok negara demi kepentingan pendidikan anak-anak mereka. Tuan Yang di-Pertua .....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' Aziz tidak bersetuju dengan cara bayaran di mana syaratnya sampai RM2,000, RM3,000 – ini menimbulkan masalah kepada ibu bapa. Tetapi kenyataan Yang Berhormat Dato' itu terlalu umum, saya rasa mustahil untuk kita kecualikan semua pelajar sebab ada ibu bapa yang berkemampuan. Saya kira ianya

untuk pelajar-pelajar yang betul-betul miskin – dalam takrif golongan yang termiskin.

Sepatutnya diadakan cara supaya mereka tidak dibebankan, yang lain-lain itu patut mereka bayar, sebab harga tayar kereta mereka pun sampai RM10,000; harga gate rumah pun sampai RM50,000; ‘swimming pool’ ada, tak akan kita hendak bagi mereka inipun ‘free’. Jadi Yang Berhormat Dato’ mestilah spesifik dengan cadangan supaya nanti dibiarkan semua sekali percuma, yang tidak patut dikecualikan, kita kecualikan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih di atas pandangan yang mungkin tidak tepat. Saya tidak pernah mengatakan tidak perlu dibayar, saya katakan cari jalan bayar ansuran ke melalui biasiswa yang terlewat itu dibayar, kena bayar – mana boleh tidak bayar, sekarang ini apa benda yang kita buat, kena bayar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyaklah kepada saudara saya Yang Berhormat Datuk Ibrahim.

Jadi berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri, saya hendak ucapkan tahniah kerana Perdana Menteri kita, apabila melawat ke mana-mana negara sekalipun, ramai ahli pemikir korporat pergi ikut sama dan kejayaannya terserlah sekali. Tetapi dalam kejayaan-kejayaan itu ada juga yang bersandiwara dengan Memorandum of Understanding (MoU), berselindung dengan MoU. MoU rata-rata dia sign, oh kerjasama dengan orang ini - orang itu, setahun kemudian satu benda pun tidak jalan. Jadi, pada waktu itu ekonomi kita masih lagi tegap, sebelum 2 Julai 1997, apabila seseorang itu pergi tandatangan usaha kerjasama MoU ini dengan negara-negara lain, melonjak sedikit naik harga sahamnya.

Tetapi pada seketikanya kita minta pihak kementerian kajilah – berapa banyak MoU yang sudah di‘sign’, belum dilaksanakan – siapa dia, syarikat mana, siapa pengarah-pengarahnya kerana kita bimbang sangat mereka ini mengikut rombongan Perdana Menteri – ‘sign’ ini, malu kita dan pada masa yang sama Bursa Saham Kuala Lumpur pun tidak boleh menentukan harganya kalau dulu sebelum 2 Julai tadi dan begitu juga dengan Suruhanjaya Sekuriti patut mengkaji semula sesiapa yang ‘sign’ MoU ini tetapi tidak melaksanakannya –

disenaraihitamkan dari segi mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga dari segi mereka menduduki sebagai ahli-ahli pengarah syarikat-syarikat ini, di mana pada suatu ketika dahulu, harga saham sudah meningkat naik, lepas itu MoU tidak berjalan, turun menjunam.

Sekarang ini senario sudah berubah. Pada waktu sebelum 2 Julai yang lalu, memang banyak saham-saham yang meningkat semata-mata di atas MoU yang telah pun di 'sign' di luar negara tetapi ianya terbukti tidak dapat dilaksanakan.

Begitulah juga dari segi kajian yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti. Saya benar-benar hendak Suruhanjaya Sekuriti sekarang ini mempunyai ketelusan di dalam segala apa bidang sekalipun supaya keyakinan pelabur-pelabur baik dalam negeri atau lebih-lebih lagi luar negeri, sentiasa dapat bertumpu kepada Malaysia kerana wujudnya ketelusan dari segi fakta-fakta, maklumat (information) yang terkini yang diperlukan oleh mana-mana badan sekalipun – Bank Negara Malaysia ke, Suruhanjaya Sekuriti ke, BSKL dan apa-apa sahaja sekalipun. Kita dapati baru-baru ini Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan lima buah syarikat yang melanggar syarat iaitu peruntukan seksyen 57 dan seksyen 60.

Kedua-dua peruntukan ini ialah bagi menentukan supaya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Bursa Saham Kuala Lumpur – Papan Utama ke Papan Kedua, terpaksa memberi maklumat-maklumat terkini. Kalau sekiranya laporan tahunannya tiga bulan selepas itu terpaksa diberitahu kepada Securities Commission dan diumumkan juga syarikat-syarikat – Air Molek Rubber Company Berhad; Instant Green Corporation Berhad; Westmont Industries Berhad; Westmont Land (Asia) Berhad dan Lima Kelana Emas Industri Berhad.

Kita juga minta pihak kerajaan, hendak bertanya, adakah syarikat-syarikat ini dianggotai oleh ahli lembaga pengarahnya dengan orang-orang yang sama, kalau ada kaitannya macam Westmont, sudah dua kali kita sebut, Kelana Emas, tentu ada kemungkinan kaitannya. Kalau mereka tidak dapat menzahirkan maklumat seperti yang ditetapkan, saya berpendapat tindakan yang amat tegas patut diambil Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission) dan juga pihak kerajaan di mana ada peruntukan-peruntukan tertentu dan mereka yang terus-menerus berbuat

demikian juga turut disenaraihitamkan bagi menduduki ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Bursa Saham Kuala Lumpur.

**4.00 ptg.**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Inilah caranya, kalau tidak kita bimbang, orang nanti tidak akan percaya dengan syarikat-syarikat yang diawasi oleh badan-badan yang kita wujudkan seperti Securities Commission, Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, BSKL dan sebagainya. Mungkin mereka sudah jemu kerana perkara ini setiap kali berlaku tidak ada tindakan tegas yang diambil. Kita hendakkan corporate government, mohon izin, ditentukan berjalan dengan baik dan penuh ketelusan, penuh transparency, penuh akauntabiliti, penuh tanggungjawab kepada pihak-pihak yang menentukan perjalanannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Luar Negeri kerana menerusi pendekatannya yang diambil, kita dapati Petronas amat berjaya sekali. Bukan sahaja melabur di dalam 19 buah kawasan luar negara tetapi baru-baru ini Petronas telah berjaya kerana tidak diambil tindakan oleh Amerika Syarikat dengan pelaburan RM2 bilion di Iran untuk menyalurkan gas dan minyak kerana saya rasa wujudnya kongsi-sama antara Petronas dengan Gazprom dari Russia dan juga SA Total dari Perancis, kalau tidak ada kerjasama, kalau Petronas buat seorang sahaja, saya yakin tindakan akan diambil oleh Amerika Syarikat. Tetapi bijaknya kita, kerana kita kaitkan dengan Russia, kaitkan dengan Perancis sebagai sebuah negara 'European Union' maka Amerika Syarikat tidak tergamak hendak mengambil tindakan kerana dia mempunyai undang-undang.

Saya pun hairan, bagaimana Amerika Syarikat mempunyai undang-undang yang boleh menghukum di luar kawasan negaranya sendiri. Seperti pelaburan di

Iraq, Libya, sekarang Iran dan Cuba. Keempat-empat negara ini kita tidak boleh membuat pelaburan kerana kononnya ia lebih daripada RM20 juta melanggar undang-undang Amerika Syarikat pula. Rupanya kuasa dia dalam keadaan yang sebegini rupa, lebih hebat daripada kuasa Bangsa-Bangsa Bersatu untuk hendak menjalankan hukuman kepada negara-negara lain.

Petronas juga berjaya di Australia dengan saluran gas perbelanjaan berjumlah RM3.5 bilion. Jadi Petronas ini sudah jadi canggih, sungguhpun mereka baru sahaja menyertai kegiatan industri gas dan petroleum/minyak dan gas tetapi mereka telah berjaya dan kejayaan mereka merupakan satu-satunya kejayaan di dalam negara-negara Islam, saya perhatikan tidak ramai yang pergi ke hadapan untuk menentukan kecanggihan ilmu yang didapati oleh Petronas kini dapat dipelajari dan digunakan di seluruh pelosok dunia. Ini kita hendak ucapkan syabas kepada Petronas.

Sewaktu kita mula-mula merangkak untuk menubuhkan Petronas, kita tidak dapat bantuan daripada negara-negara Islam yang lain, yang pada waktu itu sudah pun begitu lama berkecimpung dalam bidang minyak, the black gold, dengan izin, sehinggakan petro Dollar waktu itu merupakan satu punca pendapatan negara-negara Arab dan mereka di Asia Tengah begitu lumayan sekali dan ilmu yang mereka dapati tidak sampai ke negara kita. Tetapi kita telah pun menjelajahi bukan sahaja di Iran, di Australia bahkan di Asia Tengah, tiga, empat buah negara pun kita telah menjelajahi.

Saya juga ingin memohon kepada Kementerian Luar Negeri yang kini telah pun diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM11.7 juta menceritakan sedikit kepada kita apakah peranan kita sekarang ini? Kerana banyak sangat masalah yang tidak adil ini yang berlaku terutama sekali kepada Palestine, saya mengikuti Palestine kerana terlalu lama masalah ini dibiarkan, untuk hendak melepaskan

13% kawasan tanah daripada Tebing Barat, sehingga 11 Mei merupakan satu target date untuk menyelesaikan masalah, sehingga ke hari ini belum selesai lagi, belum selesai lagi Madeline Allbright dengan Netanyahu pergi berunding dan sebagainya, orang-orang Palestine masih lagi berdepan dengan masalah yang sama dan pada masa yang sama Amerika Syarikat memberikan bantuan dekat AS\$3 bilion setahun kepada Israel dan separuh daripadanya ialah dari segi perbelanjaan ketenteraan. Kalaulah AS\$3 bilion kita beri setahun kenapa tidak boleh mereka menggunakan kuasa AS\$3 bilion itu bagi menentukan Netanyahu tunduk kepada proses perdamaian Oslo yang mahukan 13% tanah daripada Tebing Barat diserahkan pula kepada Palestine, belum selesai.

Pada masa yang sama 95,000 anggaran rumah-rumah akan dibuat disekeliling Baitul Muqaddis, ini sengaja hendak memecah dan mengurangkan dari segi kekuatan orang Arab di sekitar kawasan itu seolah-olah ianya merupakan satu tempat yang kukuh kepada orang-orang Israel.

Segala muslihat ini jelas kita nampak, tetapi yang tidak jelas ialah kepada Amerika Syarikat, saya ingin pihak Kementerian Luar Negeri berusaha benar menerusi Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) ataupun menerusi Bangsa-bangsa Bersatu dengan rakan-rakan kita menjalankan usaha bagi menentukan, selesaikanlah masalah orang-orang Palestine yang sejak tahun 1945 lagi menderita kerana tempatnya dirampas dan dikuasai oleh orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Mengangguk]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim sudah mengangguk lima, enam kali, dia hendak bangun berucap pula itu. Saya mengucapkan banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk menyambung ucapan saya tempoh hari, mudah-mudahan dengan pertumbuhan ekonomi yang kini tidak sebegitu hebat seperti dahulu, pertambahan RM7 bilion ini akan dapat terus memantapkan Kerajaan Barisan Nasional berdepan dengan masalah rakyat jelata dan seterusnya memberikan keyakinan kepada pucuk pimpinan untuk terus



bergerak menyelesaikan masalah negara yang kini dilanda dengan kegawatan ekonomi yang paling hebat.

Kita tidak mahulah kegawatan ini merupakan kegawatan yang kedua pula akan timbul, biarlah dengan kegawatan ini sahaja, kerana apa tindakan yang telah diambil oleh kerajaan benar-benar mencetuskan satu idea dan anjakan paradigma yang boleh menyelesaikan masalah sehinggakan badan-badan pertubuhan antarabangsa mengakui.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dapat menubuhkan satu syarikat pengurusan aset, ini begitu kreatif sekali bagi menentukan sistem perbankan kita dapat mengalihkan masalah hutang yang tak berbayar ini MPI yang meningkat ini, meningkat lagi pada bulan Jun ini, setiap tiga bulan ia meningkat, bulan Jun ini banyak lagi. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan berapa banyak hutang-hutang yang tidak dapat dibayar ini pada masa yang akan datang ini, kerana apabila ianya diambil alih oleh syarikat pengurusan aset ini, insya-Allah, sistem perbankan tanpa suntikan yang lain dapat terus bergerak menjalankan usaha biasa mereka dan orang lain dengan suntikan modal baru dari kerajaan, dari pihak swasta, dalam negeri, luar negeri dapat menentukan syarikat-syarikat ini di 'balance' menerusi syarikat pengurusan aset yang baru. Tahniah kepada pihak kementerian kerana tindakan kreatif yang semacam inilah sahaja yang boleh menentukan kegawatan ekonomi dapat kita atasi di Malaysia.

Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

#### **4.10 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini yang dikemukakan ke dalam Dewan ini berjumlah RM7,020,420,263 yang meliputi beberapa jabatan dan kementerian.

Saya tertarik hati dengan laporan akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan yang mana Yang Berhormat Menteri Pertahanan mengatakan bahawa pada hujung tahun ini akan diserahkan dua buah kapal frigate yang kita tempah, yang mana soalan yang demikian telah saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini pada masa membahaskan Belanjawan 1997.

Saya ingin mengingatkan Kementerian Pertahanan terutama pegawai-pegawai yang ditugaskan bagi memeriksa peralatan di dalam kapal tersebut iaitu kapal frigate yang mana saya tahu bahawa alat kelengkapan dari segi elektronik dan komputernya dibekalkan oleh pihak GEC.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa Yaro Shipyard adalah dimiliki sepenuhnya oleh GEC. GEC merupakan satu holding company yang mempunyai saham di dalam Yaro Shipyard. Untuk makluman Dewan ini bahawa Yaro Shipyard ini sebelum dapat kontrak untuk membina kapal ini adalah hampir muflis, dengan jumlah hutangnya dengan bank begitu banyak. Jadi, dengan adanya pakej dari Kerajaan Malaysia untuk membina kapal ini beserta dengan beberapa kemudahan lain, maka Yaro Shipyard dapat bernafas kembali. Tetapi amat menyedihkan, di dalam pembinaan kapal yang begitu canggih, begitu teratur dan bersistematik bahawa peralatan di dalamnya tidak dapat berfungsi dengan sempurna.

Saya bimbang apabila penyerahan itu dilakukan tanpa diteliti oleh kementerian dan pegawai-pegawai yang ditugaskan, saya bimbang kapal ini akhirnya esok akan dijadikan sebuah muzium laut yang dapat kita tonton tetapi kita tidak gunakan, meski pun kita perbaiki dari masa ke semasa.

Kita tahu jaminan daripada pembekal kapal ini bahawa segala perbelanjaan yang terkini, yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia untuk melantik pegawai-pegawai mereka yang ditempatkan di Britain dan sebagainya ditanggung oleh syarikat yang membina kapal ini, akan tetapi akibatnya nanti apabila kita menerima dua buah kapal ini kita akan menghadapi masalah kalau kita tidak teliti. Kita berharap kementerian akan lebih peka dalam hal ini sebelum menerima 100%

kerana sekarang dalam bidang ujian di laut, pendek kata ini adalah ujian yang terakhir sebelum diserahkan.

Begitu juga saya ingin menyentuh Jabatan Muzium. Jabatan Muzium ini merupakan sebuah jabatan yang diberi amanah untuk menjaga khazanah lama milik negara atau milik orang perseorangan. Akan tetapi kadangkala mereka mungkin tidak diberi peruntukan yang sewajarnya, peruntukan yang mencukupi kerana dahulu juga kita lihat di dada-dada akhbar terpapar bangunan-bangunan lama yang usang, yang mempunyai sejarah yang begitu bererti kepada negara kita yang tidak diambil peduli. Banyak istana lama yang tertinggal begitu sahaja memanglah sedih kita melihatnya, kalau di Pulau Pinang kita boleh melihat rumah-rumah orang terkemuka dinaiki oleh rumput dan rampai tanpa diberi perhatian oleh Muzium Negara.

Saya berharap bahawa Muzium Negara bekerja keras memohon satu peruntukan yang lebih sesuai untuk menyelenggarakan bangunan-bangunan ini.

Kenapa saya berkata demikian? Bahawa di daerah saya, kalau mana-mana Ahli Dewan yang hadir ini pergi ke Batu Gajah, kita boleh melihat, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua lebih maklum kerana daerah itu adalah daerah bersama iaitu sebuah mahligai yang didirikan oleh seorang peladang bangsa Inggeris iaitu Kellies Smith. Kellies Castle ini atau dipanggil dengan lebih tepat 'Mahligai Kellies' terletak di pinggir sebuah sungai yang mana tanah itu telah diberikan kepada kerajaan seluas 50 ekar dan mengikut keadaan tanah dan rupa bentuk amat sesuai dimajukan untuk dijadikan muzium dan juga taman rekreasi. Bagaimana kalau kita berkunjung ke negara Eropah dan sebagainya, kita akan melihat castle yang begitu cantik dikelilingi oleh padang-padang golf, kolam-kolam yang diduduki oleh burung-burung liar. Akan tetapi Kellies Castle tertinggal begitu sahaja tanpa perhatian yang serius dari pihak kerajaan hanya sekarang dibebankan kepada Majlis Daerah Batu Gajah untuk menyelenggarakan kutipan pengunjung-pengunjung terutama pelancong.

Apa yang menyedihkan, ada juga syarikat-syarikat pelancongan ini yang peka terhadap keadaan itu, kadangkala membawa rombongan terutama orang

Eropah melawat ke Kellies Castle ini, tetapi sungutan dari para pelancong melihat tidak ada apa yang hendak ditonton kecuali batu bata yang berwarna merah dan konkrit dan hanya sepohon, dua pohon pokok getah.

Apa salahnya pihak muzium memikirkan bahawa didirikan sebuah muzium iaitu dipanggil 'Muzium Peladang' kerana kita mempunyai rekod yang lama bahawa ladang-ladang getah dan ladang-ladang kelapa sawit ini adalah dimiliki oleh bangsa Inggeris yang mempunyai sejarah Guthrie, Daff dan sebagainya. Tetapi, saya percaya Dewan yang mulia ini terutama Ahli-ahli Dewan ini tidak tahu siapa Guthrie dan siapa Daff, siapa yang menubuhkan Sime Darby dan sebagainya, kita tidak prihatin terhadap perkara itu kerana yang kita kenal adalah pokok kelapa sawit dan pokok getah, bila kita menuding jari kepada pokok: "Ha, ini pokok getah," tuding jari ke kiri, "ha, ini pokok kelapa sawit." Itu sahaja yang kita tahu, di mana asal getah dan di mana asal kelapa sawit tidak didedahkan dengan begitu sempurna.

Saya berharap pihak Muzium Negara akan mengambil lebih teliti dan lebih ceria agar mengambil satu usaha bagi membangunkan Kellies Castle ini sebagai sebuah 'Planter Muzium' - Muzium Peladang, pungut segala bahan-bahan yang dianggapkan ada hubungkait dengan ladang dan dikumpulkan dibuat satu muzium sejarah di situ, kerana castle ini didirikan dalam tahun 1800, maknanya telah begitu lama dan perlu kita abadikan ia sebagai satu bahan yang bersejarah.

Tuan Yang di-Pertua, Bomba juga memainkan peranan yang penting di dalam negara kita bagi memerangi masalah kebakaran dan sebagainya tetapi kita lihat pada masa sekarang, Bomba kita masih lagi belum dilengkapi dengan alat yang sempurna dan canggih. Apabila kita lihat di Amerika Syarikat dan sebagainya, bahawa Bomba di negara-negara berkenaan lebih canggih.

Saya merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah berusaha, yang pergi melihat sendiri bagaimana kemajuan di negara lain mengenai bomba, terutama baru-baru ini mereka telah pergi ke negara Finland meninjau keadaan sedikit sebanyak membawakan satu hasil yang baik untuk Jabatan Bomba. Ini adalah satu

usaha yang patut kita hargai kerana kita bimbang bahawa bangunan di Kuala Lumpur itu bayangkanlah, saya tidur di hotel di tingkat 25, tetapi saya tidak tahu sama ada, ada tangga bomba di Kuala Lumpur ini mencukupi ke tingkat 25 itu ataupun jika terjadi kebakaran mungkinlah di tingkat 25 itu banyak Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang menginap di situ merasa pada masa persidangan Dewan Negara. Jadi, fahamlah kalau tangga bomba itu tidak boleh sampai ke tingkat 25 ini, kami ini banyaklah yang jadi allahyarham, insya-Allah.

Jadi, saya harap bomba terutama di bandar-bandar besar, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Klang, Ipoh, Pulau Pinang, Alor Setar dan sebagainya memikirkan sekarang, bukan memikir hendak memakai tangga, kerana saya rasa kalau allahyarham Mat Kilau masih hidup, dia pun tak fikir hendak pakai tangga ini, dia kata: “Aku sudah jenuh naik tangga, aku hendak pakai yang lain pula.” Jadi, apa salahnya kita memikirkan satu cara teknikal yang lain untuk lebih canggih, kerana kita bimbang, kita takut sebelum terbakar itu kita tidak fikir, bila sudah terbakar sesuatu bangunan yang mengorbankan berpuluh-puluh nyawa, baru kita hendak fikir cara mana jalan kita hendak menyelesaikan masalah bila terjadi kebakaran di bangunan-bangunan tinggi ini. Itu mengenai bomba.

Saya juga ingin menyentuh Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri ini kadangkala kita lihat amat hebat apabila pihak menteri membuat satu dasar luar negara dan sebagainya tetapi kadangkala kita harus awasi negara-negara Barat ini terutamanya yang pandai main sandiwara dengan negara kita, apabila kita kata begini, dia kata begitu dan apabila kita kata begitu, dia kata begini.

Kita melihat sekarang pergolakan di negara-negara Balkan dan sebagainya yang mana kadangkala kita juga bersama-sama untuk menyelesaikan masalah di negara-negara yang berkenaan, kita lihat Bosnia-Herzegovina baharu sahaja selesai dari peperangan etnik dan sekarang Kosovo pula yang menjadi masalah.

Saya bagi diri saya berpendapat dan saya rasa Ahli-ahli Dewan juga berpendapat bahawa Ahli-ahli NATO ini pada pandangan saya kita tidak boleh percaya. Kita lihat dahulu NATO menyelenggarakan keselamatan di Bosnia-Herzegovina dan apabila rencana terpapar di dalam akhbar pada setiap hari Ahad

kita boleh baca, bagaimana tentera-tentera Belanda, pemimpin-pemimpin tentera Belanda bermain sandiwara seolah-olah di situ ada satu babak yang agak mengecewakan orang-orang kita, kerana di situ seolah-olahnya ditangkap tentera Belanda dan diikat seolah-olahnya satu ugutan daripada tentera Serb dan sebagainya akan tetapi itu merupakan sandiwara apabila berita ini terkeluar. Jadi, saya harap dasar luar negara kita, kita harus lebih perhebatkan lagi, kerana kita tidak boleh mempercayai NATO sebagai sebuah kuasa yang boleh menentukan keamanan di negara-negara terutamanya di negara Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang menyediakan peruntukan dan sebagainya terutama peruntukan kepada Kumpulan Wang Berkanun RM6.6 bilion dan dalam kegawatan ekonomi ini terlebih maklum bahawa setiap orang pun merasakan keperitannya, akan tetapi walau bagaimanapun, kita berusaha sedaya upaya.

Saya menyeru kepada pihak kementerian supaya bank-bank yang ada sekarang, lebih peka dan menerima nasihat daripada kementerian, kadang-kadang kita takut juga bila Kementerian Kewangan menasihatkan bank, tetapi bank kadang-kadang tidak ambil peduli, dia hendak saman, dia terus saman sahaja. Ini sudah mulalah non-performance loan ini sudah mula menghantar saman dan telah banyak orang yang menerima saman dan banyak ahli korporat pun sudah menerima surat dari lawyer bagi tempoh 14 hari kalau tidak bayar hendak bawa pergi masuk mahkamah.

Jadi, kalau ini berlaku, saya risau akan membantutkan usaha-usaha terutama dalam IKS, kebanyakan industri kecil dan sederhana bergantung kepada pinjaman bank. Saya memberi tafsiran IKS ini mungkin 100% hutangnya adalah kepada bank kerana industri kecil dan sederhana (IKS) ini tidak memperuntukkan 100% modal yang ada untuk membiayai operasi dan sebagainya dan mungkin separuh darinya adalah dari pinjaman bank. Kadangkala terutama IKS yang dimiliki oleh

bumiputera amat sedih sekali hanya 30% modal dan 70% adalah pinjaman bank dan saya lihat di kalangan kegelisahan bumiputera dalam IKS amat ketara dan sekarang ada dua, tiga sahabat saya dan mungkin sedikit lagi termasuk saya juga telah pun menerima surat dari bank bagi tempoh 14 hari, saya minta Kementerian Kewangan supaya berbincang dengan pihak bank terutama Bank Negara menimbangkan masalah ini. Meskipun Tabung IKS ada, tetapi Tabung IKS ini pun ketat juga, tidak senang hendak memberi pinjaman, macam tadi Kementerian Pertanian juga, saya kata RM1, dia kena ada RM1 baru boleh beri pinjam RM1.

Begitu juga tabung yang membiayai IKS ini amat ketat dan itulah sungutan para ahli usahawan kita supaya perkara ini dilonggarkan, alhamdulillah, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa sedikit kelonggaran diberikan. Terima kasih kepada pihak kementerian yang peka terhadap perkara ini terutamanya dalam keadaan kegawatan ekonomi.

Jadi, itulah sahaja kerana Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim pun telah menunggu saya lama sangat tadi, dia telah menjeling banyak kali sangat, jadi, itulah ucapan saya dan saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

**4.25 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menyentuh Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 dan terpaksa bangun bercakap kerana ada dua isu penting. Ada dua isu iaitu, two crucial issue, dengan izin, dan saya berharap pihak kerajaan dapat memberi perhatian yang bena-benar serius, I hope the government can address this two issue, dengan izin, dengan secara yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, usahawan bumiputera tidak banyak mendapat peluang kerja mechanical dan engineer (M&E). Dalam bidang M&E ini

ada tiga aspek iaitu hawa dingin, fire fighting dan juga yang ketiga, electrical dan memandangkan sekarang ini, kerja-kerja kontrak sudah tidak banyak lagi akibat kegawatan ekonomi, manakala ada kerja-kerja yang diteruskan oleh kerana ianya merupakan penting kepada negara iaitu pembangunan di Putrajaya. Masih terdapat lagi peluang-peluang kerja mekanikal dan engineering ini untuk usahawan-usahawan yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya dalam bidang kerja-kerja mekanikal dan engineering ini tidak banyak usahawan bumiputera mendapat peluang. Banyaknya diperolehi oleh syarikat-syarikat bukan bumiputera ataupun di mana kepentingan bumiputera tidak banyak ataupun syarikat-syarikat dari luar negeri yang sekarang ini kita menitikberatkan menggunakan barangan buatan tempatan yang saya bangkitkan waktu berucap semasa perbahasan Titah Diraja dan oleh kerana kerja-kerja ini tidak banyak dan memanglah kerja-kerja mekanikal dan engineering ini perlu kepada kepakaran, produk, pengalaman dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan di Putrajaya adalah besar dan banyak kerja kontrak telah pun diberi secara turnkey, atas dasar turnkey kepada syarikat-syarikat tertentu. Pakej 1A - Bangunan Pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di beri kepada SP Setia Berhad, Rumah Kediaman Perdana Menteri diberi kepada SP Setia Berhad. Pakej 2A - Pejabat Bomba dan Polis diberi kepada Weng Heng Construction Berhad. Kesemua kerja M&E ini telah ditawarkan kepada pihak berkenaan yang saya difahamkan tidak banyak penyertaan bumiputera dalam bidang ini terutamanya dalam bidang mechanical and engineering dan bilakah bumiputera dapat pengalaman ataupun tapak yang kukuh dalam bidang ini?

Manakala pakej B iaitu Butir-butir Jenis Bangunan, Tuan Yang di-Pertua, pakej B belum diperolehi lagi, telah diberi kepada Hong Leong Group. Pakej C dan D sebanyak 15 bangunan telah diberi kepada Kamunting Construction Sendirian Berhad.



Kepada pakej B, C dan D yang saya sebutkan tadi, nilai kerja untuk mechanical dan engineering ialah sebanyak RM200 juta, bukan sahaja saya berharap produk-produk dalam M&E ini digunakan kepada barang-barang buatan tempatan seperti kalau air-condition perlu kepada chillers, mestilah chillers itu dibuat dalam negara kita dan ini sudah ada surat pekeliling di mana perlu digunakan barangan buatan tempatan dan sudah ada arahan yang tegas, yang saya harap pihak kerajaan dan pihak Kementerian Kewangan, MITI dan mereka yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek Putrajaya ini supaya berwaspada, berhati-hati dan mengambil tahu dengan secara mendalam apabila projek ini dilaksanakan. Jangan pula ada mana-mana pihak konsultan ataupun mana-mana pihak menyeludup masuk barang-barang buatan luar negeri dengan mengetepikan barang-barang buatan tempatan. Itu satu.

Dan ini boleh berlaku sebab banyak pihak mungkin mencari kesempatan untuk mendapat komisen ataupun sebagainya dengan memberi pelbagai masalah dari segi engineering, dari segi aspek spesifikasinya, memberi pelbagai alasan manakala ianya tidak lebih daripada hendak mencari jalan untuk memberi kepada pihak yang mereka sudah kenal pasti untuk diberi tawaran tersebut.

Perkara yang kedua, saya ingin mencadangkan oleh kerana mechanical and engineering (M&E) di mana usahawan bumiputera tidak banyak yang besar, maka saya ingin mengemukakan supaya kerajaan melalui Putrajaya mewujudkan satu konsortium di kalangan kontraktor-kontraktor usahawan bumiputera dalam bidang mechanical dan engineering supaya mereka boleh turut serta mengambil peluang dalam pelaksanaan projek yang saya sebutkan di Putrajaya ini dan ini selari dengan dasar yang sudah ada di mana tawaran hendaklah dibuat dengan kontraktor yang ekutinya sekurang-kurangnya 51%, jangan yang di atas kertas sahajalah, ini pun hendak semak dan hendak kena kaji dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang syarikat yang dapat projek secara turnkey ini untuk melaksanakan projek M&E, mereka juga pula mengambil

peranan untuk menubuh syarikat front company dengan menamakan wakil-wakil tertentu, pekerja atau setiausaha (secretary), dia menubuhkan syarikat ini semata-mata hendak mengabui mata pihak-pihak tertentu dan inilah yang dikatakan syarikat bumiputera tetapi sebenarnya mereka yang mendapat faedah lebih daripada yang lain, orang lain tak dapat, orang lain dapat tulang.

Ini telah berlaku sudah banyak kali, tak payah saya beri detail tetapi saya hendak melihat Kementerian Kewangan khususnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang ini cukup nyaring suaranya, semalam bercakap di Persidangan Menteri-menteri Kewangan (APEC) mengenai dengan penwastaan, akan telus, akan terbuka dan begitu jugalah dalam hal-hal yang lain dan saya hendak melihat bahawa dasar yang telah diputuskan itu dilaksanakan dalam erti kata yang sebenar, jangan jadi mockery ataupun ada dasar orang baca surat khabar nanti sedap kita baca, tetapi pelaksanaannya tidak sampai ke mana, masih ada lagi ulat-ulat yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan mementingkan diri tetapi tidak mengendahkan kepentingan dasar negara.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya, saya hendak beri satu cerita di mana kalau kita tidak waspada, nyamuk pun boleh jadi masalah ataupun cerita dahulu ada seorang Raja yang mempunyai isteri yang banyak, gundik pun ramai, oleh kerana isterinya dan gundik ramai maka dia tidak berupaya, tidak cukup tenaga. Maka dia panggillah Datuk Bendahara dan Bendahara memberi nasihat, mengikut bomoh-bomoh kalau hendak kuat mestilah makan madu lebah supaya menjaga kekuatan dan madu yang diperlukan ini satu tempayan sehari, bukan sedikit.

Jadi, susah hendak mendapatkan madu satu tempayan ini, maka diarah pula rakyat supaya setiap rakyat ini memberi madu satu sudu setiap hari, bawa satu sudu madu dimasukkan ke dalam tempayan, semua rakyat bagi satu negeri maka dapatlah satu tempayan madu. Ada seorang hamba Allah dia cerdik dan dia pintar kerana dia ini pandai dalam segala hal, dia ini istimewa dengan pangkat tinggi, dia

pandai, saya tak payah terangkan lagi, dia “pandai”, dia tidak payah cari madu lebah, setiap hari dalam satu sudu itu dia masukkan air sejuk sahaja, dia pergi tuang sama masuk ke dalam madu tempayan tadi, dia punya pandai ini dan tidak disedari oleh Raja dan dialah dianggap orang yang paling berkhidmat kepada Raja dengan setiap hari membawa satu sudu madu manakala sebenarnya bukan madu tetapi air sejuk.

Saya bimbang, takut cerita yang sama berlaku dalam kita melaksanakan projek-projek kerajaan dan dasar-dasar kerajaan, ada pihak yang memang mengambil kesempatan dengan memberi pelbagai alasan yang saya ingin mengulangi berwaspada dengan perunding-perunding yang telah dilantik oleh kerajaan, berwaspada dengan perunding-perunding yang dilantik oleh kerajaan - saya ulang! Berwaspada dengan mereka yang bertanggungjawab.

Saya juga harap Badan Pencegah Rasuah supaya kali ini lebih tegas mengkaji dan meneliti tentang apa yang dikatakan taraf hidup yang berubah cepat, yang membabitkan pihak-pihak tertentu apabila kita mengkaji dari segi pendapatan mereka tidaklah setimpal sebagaimana taraf hidup mereka, ini saya minta supaya diberi perhatian.

Tujuan saya mencadangkan tadi supaya ditubuhkan konsortium untuk M&E ini melaksanakan projek di Putrajaya ialah saya kira ianya adil dari segi sudut pembahagian kerja kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang menghadapi masalah terutama dalam kegawatan ekonomi sekarang ini. Ini juga mengelakkan perbuatan untuk mendapat kerja di kalangan kontraktor bumiputera, sehingga akhirnya kontraktor yang berjaya hanya mendapat tulang sahaja kerana wujudnya ‘perang harga’ di kalangan mereka. Dalam sistem ini yang mengaut keuntungan nanti adalah kontraktor induk iaitu main contractor.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jelas walaupun saya tidak belajar ekonomi, tetapi bercakap ini tak payahlah kita berbunga-bunga cakap atau kias atau

peribahasa, cukuplah saya beritahu secara terang itu dia, tak payah kita fikir hendak cari profesor, saya rasa apa yang saya sebutkan tadi itu nyata, terang dan jelas. Pihak Kementerian Kewangan tolong ambil berat dalam perkara ini supaya kontraktor bumiputera dalam bidang mechanical, engineering dan electrical (M&E) ini tidak ketinggalan sebab selama ini, selama Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, selama saya melihat projek-projek yang dijalankan sekarang ini, tolong tunjukkan kepada saya bangunan KLCC mechanical engineering berapa banyak, sila beri jawapan kepada saya, saya hendak tahu, yang dapat faedah oleh usahawan bumiputera. Sila tunjuk pelaksanaan oleh kampus-kampus universiti, bangunan-bangunan kerajaan, kalau kita dapatkan maklumat secara terperinci, memang dijawab secara umumlah sekian banyak, tetapi kalau kita pecahkan betul, tidak banyak, sebab sampai hari ini pun tak ada yang kita dapat banggakan satu syarikat bumiputera yang betul-betul besar, berwibawa dan kukuh dalam bidang mechanical dan engineering. Itu satu perkara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, tidak banyak yang hendak saya timbulkan, sedikit sahaja. Semalam saya baca surat khabar di rumah, Tuan Yang di-Pertua, saya senyum [*sambil menunjukkan salinan fotostat keratan akhbar*] saya baca *Mingguan Malaysia, Berita Minggu*, kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, sahabat saya Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed - 'Masalah Limousin KLIA Akan Diatasi'.

Kalau tidak silap saya, saya di antara Ahli Dewan ini yang bercakap awal-awal dahulu lagi mengenai masalah perkhidmatan limousin di lapangan terbang yang berbangkit di lapangan terbang lama sekarang ini dan akan pindah ke KLIA Sepang. Jawabnya pada waktu itu, kerajaan telah menangani masalah ini, akhir sekali kerajaan putuskan diberi khidmat limousin ini kepada Airport Limo secara konsortium. Waktu ditawarkan kepada syarikat ini, syarikat-syarikat tempatan yang terlibat dalam perkhidmatan limousin ini diminta supaya menyertai tender dan

syaratnya bukan main lagi, RM25 juta paid-up capital. Betul atau tidak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** *[Menganggukkan kepalanya]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Jangan mengangguk-angguk sahaja. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, RM25 juta - tak banyak syarikat yang boleh mengambil bahagian, fasal syarat itu ketat sangat dan saya harap dan saya jangka selepas syarat itu dikenakan begitu maknanya syarikat yang dipilih itu yang 'the best'lah, rupa-rupanya setelah diberi kelulusan Airport Limo dengan gabungan beberapa syarikat, sudah tidak boleh berjalan, airport baru sudah hendak dibuka pada bulan hadapan. Diberi alasan masalah kegawatan ekonomi.

Yang sebenarnya, golongan yang diberi ini adalah golongan baru tetapi diberilah oleh kerana dia penuh syarat ada paid up capital RM25 juta tetapi oleh kerana kegawatan ekonomi, ia beli teksi lama yang sudah tiga tahun dahulu dalam stor, maka dia pun kena sama, jadi duit RM25 juta itu pun habis. Kalau tidak, takkan duit habis RM25 juta sebab dia bukan berniaga kontrak, dia bukan berniaga lain-lain, sebab perniagaan ini adalah khusus untuk Airport Limo ini. Jadi, takkan dia hilang walaupun gawat mestilah duit itu ada, sebab paid up capital RM25 juta, takkan tak boleh.

Baru-baru in kecoh mengenai masalah perkhidmatan bas di Kuala Lumpur. Riuh-rendah sampai perang dalam surat khabar – sudah reda dah, saya tidak tahulah khidmat yang macam mana sebab kita sudah naik kereta sekarang ini – kereta kecil bukan lagi naik bas, jarang-jarang sahaja naik bas. Sebab apa? Sebab itulah sistem monopoli ini. Ha, ini saya hendak balon. Sistem monopoli ini tidak baik. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin dalam ucapan perbahasan Titah Diraja dahulu. Di Kuala Lumpur kita beri kepada Intrakota, di luar kita beri kepada Park May. Sama juga dengan airport limousin ini. Airport limousin ini diberi kepada satu kompeni yang airportnya begitu besar sehinggakan pengusaha limousin di airport tidak ada peranan lagi. Pupus Subang, Terminal 1, Terminal 2 dan Terminal 3, cuma diberi mereka ini 10% melalui syarikat yang dinamakan Zalnas Limousin Sdn. Bhd – 10% dan ini pula mewakili syarikat ataupun Kumpulan KUPPL dan KUPPL ini bukan pengusaha. Pengusaha tidak terlibat, satu orang pengusaha pun tidak terlibat – diberi 10% dalam Airport Limo yang gergasinya besar, kontrol, dan dia orang ini 10% dan saya difahamkan mereka ini

akan hilang mata pencarian oleh kerana mereka ini diarah supaya mengusahakan teksi bandar di mana lesen-lesen teksi sekarang ini, permit teksi yang mereka ada di 'convert' kepada 'town taxi'.

Saya bercakap ini sebagai, orang kata, pejuang kecil – a small street fighter, sebab dia orang datang ke rumah saya. Suatu hari itu, Tuan Yang di-Pertua, tujuh, lapan teksi datang, berhenti di rumah saya. Saya ingatkan ada tetamu dari luar negeri, rupa-rupanya dia turun cari pejuang rakyat. Ha, dia tahu saya ada lagi di Dewan Negara, minta saya bercakap, merintih dan kebetulan saya tahu juga sedikit sebanyak oleh kerana dahulu saya menjadi Pengerusi MARA Holdings yang juga bertanggungjawab mengendalikan limousin di Terminal 2. Berderet datang ke rumah saya dan ada dua, tiga orang yang menitiskan air mata. Mana hendak cari makan, mana peluang pekerjaan sebab syarat yang dikenakan oleh Airport Limo ini bukan main tinggi lagi. Tidak mungkin mereka boleh mengambil bahagian sebab mereka juga pengusaha dan tidak ada peranan dan tidak ada kuasa langsung dalam Airport Limo ini, maka mereka diarah supaya jadi 'town taxi'.

Jadi, saya hendak mencadangkan baru-baru ini mengikut rombongan yang datang ke rumah saya dan juga ke pejabat saya dua kali dan saya pun mendengar sebagai pemimpin yang prihatin kepada rakyat, duduk mendengar di mana mereka telah pun menubuhkan KLASS Service Malaysia Sdn. Bhd. Yang inilah yang sebenarnya pengusaha yang mengendalikan limousin di airport sekarang dan saya kenal mereka ini sebab saya menjadi Pengerusi MARA Holdings dahulu, banyak kali saya berdialog dengan dia orang ini.

Saya pergi ke Terminal Teksi, saya tengok kesusahan mereka, penderitaan mereka, Tuan Yang di-Pertua. Bukan kecil tetapi tiba-tiba bila mereka sudah berpengalaman – yang kita hendak pemandu teksi yang faham mengenai Kuala Lumpur, kita latih mereka, bila sudah ada pengalaman bila hendak pindah ke KLIA, terus kita beri kepada orang lain. Bukan tidak boleh beri kepada orang lain sebab hendak teksi baru, hendak Mercedes, hendak hebat tetapi apabila hendak bawa mereka itu pastikan penyertaan mereka itu berkesan. Jangan serah kepada ketua konsortium yang akhirnya membuat keputusan mengetepikan mereka ini.

Saya bela rakyat sahaja. Saya bela dari segi penderitaan rakyat sebab saya suka hidup dengan orang yang penuh dengan penderitaan. Saya terasa sebab mereka ini memang betul-betul terpinggir. Jadi saya hendak cadangkan, pengalaman yang telah dialami di Kuala Lumpur apabila kita memonopolikan bas dalam bandar kepada Intrakota dan di luar bandar sampai ke Kuala Lumpur kepada Park May, saya cadangkan, saya hendak meminta Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pengangkutan termasuk Malaysia Airport Bhd., kaji balik dan bawa perkara ini semula kepada Kabinet. Bawa semula kepada Kabinet, kalau boleh saya cadangkan dipecah dua – satu, Airport Limo yang ada sekarang ini dikekalkan.

Saya tidak ungkit kerana mereka ada hak – kekalkan tetapi diberi satu lagi konsortium kepada KLASS yang mewakili pengusaha-pengusaha lama di lapangan terbang yang ada sekarang ini, baru nampak adil. Itu pun, kalau beri pun bolehlah buat syarat Airport Limo ini diletakkan di satu tempat, 70% berilah kepada Airport Limo sebab dia besar, 30% beri kepada KLASS tetapi biar dia orang jalankan sendiri, tidak ada campur dengan Airport Limo ini. Kalau kita prihatin betul-betul, why not, dengan izin,

speaking sedikit itu, why not? Kenapa tidak boleh, atas kita sahaja dasar ini. Saya percaya kalau beri 30% kepada KLASS di mana mereka diberi tapak di terminal sebab terminal itu besar di KLIA, makna satu ruang itu diberi kepada KLASS dan adalah juga persaingan dan mereka pun nampak dibela oleh pihak kerajaan.

Saya harap betul-betul pihak kerajaan attend to this issue dengan serius dan saya harap Setiusaha Parlimen supaya memaklumkan perkara ini. Saya meminta dibawa balik kepada Kabinet – dibawa balik, dibincang dari segi dasar. Kalau boleh dipecahkan kepada dua kumpulan supaya satu tidak monopoli, kedua dia ada persaingan dan kita boleh tengok dari segi mutu perkhidmatan nanti dan keempat, ianya tidak menampakkan pengusaha-pengusaha lama ini dibiarkan, walaupun akan dijawab nanti ada 10% penyertaan dan sebagainya, tetapi itu dari segi saham tidak mewakili pengusaha. Saya minta Kementerian Pembangunan Usahawan tolong sementera – tidak mewakili pengusaha dan semua sekali yang lain-lain pun sudah ditawarkan, sudah diberi pun permit teksi. Saya difahamkan MARA Holdings menolak penyertaan 10% dalam Airport Limo.

Saya diberitahu oleh Pengerusi MARA Holdings, Dato' Nadzmi Salleh, sebab dia kata apa peranannya, just as a, what we call, dengan izin, shareholder which does't have any say. Manakala ramai pemandu-pemandu limousin yang diambil kerja oleh MARA Holdings sebelum ini, sekarang ini tidak ada kerja, terpaksa convert kepada town taxi, permit yang MARA Holdings ada tetapi mereka ini tidak mahu sebab mereka berpengalaman dari segi airport limousin ini. Ini penting. Saya tidak ada falsafah-falsafah, saya hendak tengok action-oriented. Bagaimana boleh kita membantu pihak yang perlu kita memberi pembelaan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ini ringkas-ringkas sahaja. Kempen Jimat Cermat ini pun saya rasa perlu kita perbetulkan. Dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi ini, saya pun ditegur oleh beberapa orang dan saya rasa ada logiknya, ada betulnya. Kita kata dalam kita hendak menangani masalah ekonomi, kita pastikan wang kita tidak keluar, maka kita mementingkan barangan buatan tempatan – menabung dan seumpamanya. Pada masa yang sama ada lagi suara mengatakan jimat-cermat dalam menangani kemelesetan. Bila kita sebut jimat-cermat sehinggakan di peringkat domestic consumption ini turun. Jadi orang tidak mahu berbelanja, orang tidak pergi ke kedai makan tomyam – masak di rumah. Orang tidak beli kain batik, orang tidak beli keropok lekor, tidak makan keropok lekor – kurang semuanya sebab sekarang ini jimat-cermat, segala-galanya jimat-cermat sehingga barang tempatan pun saya sudah tidak beli, so konsep Kempen Jimat Cermat ini kena betul iaitu kita hendak berjimat daripada wang kita mengalir ke luar negeri, maka kita pastikan segala bentuk barang yang kita beli dahulu, kalau tidak payah beli, ada barang tempatan kita beli di peringkat tempatan tetapi dari segi perbelanjaan, kuasa membeli, kita mesti galakkan rakyat juga terus berbelanja – bukanlah cara yang boros tetapi berbelanja seperti biasa.

Sekarang ini yang menjadi takut, ada setengah-setengah itu simpan duit di rumah sahaja. Berjalan dengan kereta pun dekat-dekat sahaja. Tidak apalah kalau boleh membantu dari segi penjimatan tetapi jangan sampai oleh kerana jimat sekarang ini, dulu minyak goreng ikan, sudah goreng ikan hendak goreng telur kita guna pula minyak lain, sekarang ini goreng telur pun dalam minyak ikan

juga. Cuba bayangkan apa jadi kepada telur itu. Jadi, satu minyak goreng itu digoreng macam-macam – telur, ikan, semua dalam satu minyak, akhir sekali goreng keropok, dalam satu minyak sebab hendak jimat. Maka, minyak kelapa sawit tidak laku [*Ketawa*] kurang!

Ekonomi ini ada kait-mengait. Macam nyamuk, tengok nyamuk. Kita kata nyamuk ini kecil sahaja, cukup kecil nyamuk ini tetapi faedahnya banyak rupanya. Bila punca nyamuk saya tengok syarikat ubat nyamuk berpuluh-puluh. Di Amerika, di sini orang berbelanja sampai RM50, RM60 – Shelltox, Fumakila hendak lawan nyamuk yang kecil. Maknanya berpunca nyamuk seekor yang kecil ini pun sudah memberi faedah ekonomi yang begitu besar. Jadi, dalam soal Kempen Jimat Cermat ini konsep hendak kena betul supaya kita juga menggalak rakyat berbelanja tetapi berbelanja dengan membeli barangan tempatan, bukan terus hanya berjimat-berhemat, patut makan tiga kali sudah jadi dua kali, itu tidak betul itu. Dari segi konsep hendak kena betul.

Keempat, saya hendak sebut ringkas-ringkas. Ini gejala sosial. Agenda gejala sosial ini kita bincang setahun setengah dahulu. Sekarang ini sudah diam, akibat kegawatan ekonomi, diam. Cuma tadi kita dengar kerana ada soalan daripada Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini – tadi waktu soal jawab tadi. Tetapi agenda anti-gejala sosial ini mesti dilipatgandakan, walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi, jangan kompromi, teruk! Saya tengok, saya ingatkan sudah kurang selepas heboh-heboh dahulu tetapi semakin bertambah. Di Modestos ada disebut tadi di dalam soalan tambahan, di Jalan P.Ramlee. Saya keluar juga malam-malam balik lewat ini tetapi tidaklah ke mana – orang politik. Jadi, tengok keadaan rakyat, selalu keluar tengok-tengok. Di Modestos itu yang baru baru, kalau ikut kepada agenda anti-sosial dahulu, bila kita bincang habis setahun dahululah kertas kerja, tidak patut jadilah macam di Modestos itu. Tolong tanya Dewan Bandaraya siapa yang keluarkan lesen?

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, ini bukan joke, saya marah betul-betul. Saya marah saya cagak bila saya tengok anak-anak perempuan, anak Melayu atau Tionghua atau India, tidak kisahlah – anak orang Malaysia lebih-lebih lagi anak orang Melayu, anak orang Islam, pakai baju hitam seluar pendek pusat pun nampak, duduk atas pangku ataupun duduk atas riba Mat Salleh! Siapa tidak hot! [*Membalingkan kertas yang dipegang ke atas meja*][*Ketawa*] Di tepi-tepi jalan itu. Tengok di Carlos, tengok di tempat-tempat ini, anak siapa ini? Kita pun terasa sebagai bangsa yang bermartabat, yang kita dukung, kita kata kita mesti ada ketahanan dari segi moral dan akhlaknya tetapi di bandaraya terdedah! Simbol kepada itulah Malaysia kita. Hebat Modestos, cantik! Tetapi kita tengok siapa yang berkeliaran di situ, penuh! Dengan orang-orang luar expatriate daripada luar bawa anak-anak yang berumur 17, 18, 20 tahun ini. Kenapa tidak diambil tindakan, mana dia Dewan Bandaraya? Kita serang karaoke, serang sana tetapi kita tengok di depan mata – right in the centre of Kuala Lumpur City, itu golden triangle juga itu, sampai pukul 3.00, 4.00 pagi. Katanya tutup pukul 1.00, itu kalau karaoke dengan disko sahaja, minum-minum sahaja tidak apa sampai pagi pun boleh. Mana tanggungjawab Dewan Bandaraya baik, Jabatan Agama Islam baik, mana dia? Jadi, agenda anti-gejala sosial ini mesti diteruskan dan melihat perkembangan-perkembangan terbaru saya tidak nampak banyak kesan dengan apa yang diusahakan selama ini.



Saya sudah cadangkan dahulu kalau boleh, bila kita buat perancangan pembangunan Dewan Bandaraya hendak keluarkan lesen-lesen yang dikatakan recreation, pilih tempat-tempatnya. Ini ada satu bangunan kompleks, sampai ke peringkat sebelah itu pejabat lawyer, bawah itu mungkin pejabat tanah ataupun anak syarikat agensi kerajaan, sebelah itu kedai makan, atas itu? Recreation Centre! Takkan dalam satu kompleks [*Ketawa*]. Saya harap dalam kompleks-kompleks yang besar ini ditarik balik semua lesen ini dan dihadkan bagi kawasan orang bukan Islam – okay, di Bukit Bintang, tengok tempat-tempat itu khusus untuk mereka ini. Jangan campur-aduk sampai bangunan-bangunan cantik pun ada recreation centre – jadi pusat sarang maksiat. Saya tengok dasar kita ini berkecamuk, lepas itu kita marahlah, kita kena kaji punca, kita kena desak buat undang-undang, padahal boleh dibuat.

Kita tengok di German sekarang ini contohnya, saya tengok kali terakhir saya pergi, bandar-bandar sudah bersih even di United Kingdom, di London sudah tidak ada kedai-kedai buku seks ini sudah tidak ada. Saya tengok diganti dengan benda-benda lain pula, nampak sudah banyak kasino, kecuali dibunuh telefon. Sudah tidak ada tetapi saya tengok di German bersih. Dia dihadkan kepada satu kawasan sahaja. Kita ini bawah Kedai Roti dan Kek, kita pun masuk hendak beli roti, tunggu orang buat kek kita berdiri di depan itu, member lalu besok telefon, “Eh, hang pergi rumah urutkah semalam?” – sebab atas itu rumah urut rupanya. [*Ketawa*] Di Jalan Bukit Bintang – jual kek di bawah rumah urut di atas apa hal ini?

Dulu saya sudah banyak kali bercakap, daripada Dewan Rakyat dahulu sudah bertahun saya dok bercakap, tidak malukah? Kita hendak bandaraya yang indah, bandaraya yang cantik, bersih daripada maksiat apa semua ini. Ini campur-aduk habis. Tidak lama lagi di KLCC itu pun ada nanti, bangunan yang tinggi melangit itu nanti. Saya, kalau ada nanti memang saya pergi. [*Ketawa*] Saya pergi rodok sendiri nanti. Saya jadi penguatkuasa sendiri nanti. Jangan dok buat haru nanti. Buat rosak sahaja, betul Tuan Yang di-Pertua, memang rosak! Bangunan-bangunan indah dibenarkannya diberi lesen seumpama ini.

Sebenarnya mereka buat ini kerana kita beri lesen. Kalau kita tidak beri lesen tidak adalah. Adalah boleh buat secara haram, kita boleh ambil tindakan. Kita pun bukanlah kata strict, kita adalah liberalnya. Tidak mahu juga jadi macam Kelantan, tidak ada itu ini penuh sampai ke Sungai Golok, satu malam kereta 3,000, 4,000 buah berderet pergi Rantau Panjang, tidak mahu juga macam itu. Kita didik, kita beri pengetahuan.

Akhir sekali saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita buat apa sekalipun kalau iman kita kuat, di depan mata pun kita tidak buat. Kita beri lesen macam mana pun kalau kita kuat iman, memang kita tidak buat. Ada orang kalau tidak ada pun pergi cari ke luar negeri, itu konsep itu saya bersetuju juga prinsip itu tetapi kita ada tanggungjawab sebagai kerajaan. Yang kita boleh bendung melalui jangan memberi lesen ataupun undang-undang yang tegas, itu membantu. Yang Berhormat, jangan dok melengung tangan macam itu. [*memandang kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan*][*Ketawa*].

Yang ketiga.....

**Timbalan Yang di -Pertua:** Yang Berhormat.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, ya, sedikit sahaja lagi.

**Timbalan yang di-Pertua:** Bila you punya flight ke Kota Bahru? You akan miss flight you itu.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Pukul enam suku – sempat. Ini hal rakyat tidak boleh, saya sedia berjuang bermati-matian. Dasar Pertanian Negara saya hendak sentuh. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab semasa soal-jawab tadi saya tengok cukup keliru. Betul, cukup keliru. Dia kata dulu kita tanam kerana dasar kita kalau kita beli itu murah daripada tanam, baik kita import – itu dasar. Manakala itu dasar bermakna dasar itu tidak betullah dahulu. Perancangan kita tidak betul. Maka, saya minta dikaji balik Dasar Pertanian Negara. Ini makanan, soal murah atau tidak murah tidak kisah, soalnya bila sampai darurat makanan kena cukup. Lepas tadi dia sebut cuacalah, iklimlah, macam-macam kononnya tidak sesuailah. I sudah banyak kali bercakap. Seberang kita itu, Thailand, cuaca sama, iklim sama, tanah serupa, orang serupa, kulit sama, macam mana Dasar Pertanian di negara Thailand berjaya, ternakan ikan berjaya, ternakan binatang berjaya, pokok-pokok pun subur, buah-buah durian pun gemuk-gemuk, serba-serbi! Kita import daripada Thailand, tanah serupa sahaja, sama juga dari segi cuacanya.

Saya mintalah, memang banyak pihak menganggap bahawa Kementerian Pertanian sekarang ini lemah. Agensi banyak, tolong kaji balik, eloklah kalau boleh Kabinet pun tengok balik hal Kementerian Pertanian ini. Dalam kita hendak mengurangkan import dalam suasana kegawatan ekonomi, Kementerian Pertanian ini kira kementerian di barisan hadapan. We are at war. Saya hendak supaya ketua-ketua pengarah, ketua-ketua agensi dalam pertanian ini turun ke bawah, turun ke bawah dengan gagah perkasa, semangat. Kalau tidak larat boleh bertukar dengan yang sanggup pergi ke bendang ini, yang gagah, yang ada spirit tinggi ini. Saya bercakap bukan main-main ini, ini betul, serius! Turun ke bawah, tidak boleh hendak bincang bab pertanian di dalam bilik air-conditioned. Buang tie, buang kot, pakai baju petani macam orang Thailand, turun ke bendang. Baru jadi kalau kita hendak menyemarakkan gerakan pertanian negara kita tetapi kalau mesyuarat sana, mesyuarat sini, kot sana, konferen sana, konferen sini memang tidak menjadi pun. Balik-balik dok bersyarah kepada LPP, balik-balik dok bersyarah kepada NAFAS, dok lecture mereka, “Kita kena begini-begini”, lepas itu kita balik semula ke bilik air-conditioned.

Tengok Thailand, pegawainya selagi pokok itu tidak tumbuh, kalau empat hari, empat harilah duduk dekat pokok itu, apa dia buat pun saya tidak tahu. *[Ketawa]* Betul! Saya tengok orang Thailand buat jeti ikan, saya cukup hormat, saya tabik, jeti ikan. Dia tidak payah guna teknologi. Nelayan Siam, dia boleh terjun ke dalam laut menyelam sampai 3, 4 jam. Selagi jeti tidak sudah dia tidak balik ke rumah, dia malu dengan keluarga, ada yang bunuh diri. Itulah tahap semangat orang Thailand, kita apa benda! Sudahlah pagi-pagi dalam kain selimut, main layang-layang pun berselimut dengan kain sarung.

Fasal tidak ada masa, yang keenam, akhir ini – KWSP. Tadi disebut 0.4% dilabur untuk tanah, yang lain tinggi. Saya ada tanda tadi, mana tadi. *[mencari nota]* 29% pelaburan ada dalam bidang sekuriti, tanah 0.4%! Saya kira sepatutnya KWSP beri tumpuan kepada tanah sebab pelaburan tanah ini tidak rugi. Saya baca dalam satu buku, saya sudah lupa, Tuan Yang di-Pertua, nama profesor daripada Havard University, dia mengatakan the most valuable asset is land-property sebab you cannot

manufacture land. Siapa boleh manufacture tanah? Tidak ada, semakin hari semakin kecil tetapi ada jatuh, ada naik. Apabila ia jatuh pun, tanah ini akan naik, harganya akan tinggi apabila sampai circle, putaran ekonomi ini. Tidak macam saham. Ini beli saham banyak-banyak, kertas saham itu pun sudah boleh buat wallpaper, tidak payah cat lagi sekarang ini. Boleh buat wallpaper sekarang ini. *[Ketawa]* 20 sen, 15 sen tampallah buat wallpaper, sudah boleh buat wallpaper tetapi kalau tanah, ada geran tanah, walaupun nilai tanah jatuh tetapi dua, tiga tahun, ia bukan perishable item, tanah semakin kecil, it has scarced resources – maknanya kalau kita melabur tidak rugi,

Dan akhir sekali, Dato' Abdul Aziz sebut tadi Petronas – ini berjaya, baguslah berjaya dengan Iran pun boleh terus sebab Amerika tidak ganggu tetapi berjaya macam mana pun usahawan bumiputera tolong tengoklah. Saya ukur apa-apa pun dalam konteks pembangunan bangsa kita, negara kita, itu yang saya pentingkan. Tolong tengok sejauh mana kemajuan usahawan bumiputera. Kalau disebut dari segi angka, banyak! RM500 juta diberi kepada bumiputera, keluar kenyataan, RM600 juta, bila ditegur melenting! Marah! Tetapi sebenarnya secara spesifik berapa banyak? Saya rasa dengan apa yang ada oleh Petronas, dengan masa Petronas ditubuh, dengan kekayaan Petronas, banyak lagi yang Petronas boleh buat dari segi serius untuk menolong membangun usahawan bumiputera di peringkat menengah dan sebagainya.

Akhir sekali. Ha, ini akhir betul. Ini hal dasar luar ini Tuan Yang di-Pertua, ini masalah Kementerian Luar Negeri ini saya hendak tegur juga. Saya hendak minta Menteri Luar Negeri ini, pegawai-pegawai kerajaan jangan terasa hatilah, saya ini ikhlas. Saya bukan hendak menyinggung. Saya tengok duta sekarang ini.....

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Nanti, masa tidak ada. Saya tengok, ya.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ini tidak lama, senang sahaja jawab. Kenapa banyak 'akhir sekali', satu demi satu? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Itu strategi. *[Ketawa]* Strategi ini supaya jangan diganggu, maka saya lompat macam itu. Itu cara, kalau Yang Berhormat Tuan Yim hendak tahu belajar dengan saya nanti. *[Ketawa]*

Ini akhir betul. Masalah Kementerian Luar Negeri. Saya tengok Kementerian Luar Negeri ini, kalau boleh kuota duta itu janganlah di kalangan kakitangan kerajaan sahaja. Sekarang ini berapa persen? Tidak sampai dua, tiga orang. Datuk Zainal Tajim di Australia itu, tidak tahulah New Zealand atau Australia. Datuk Dollah Ahmad, orang politik sekarang ini wakil khas di Bangsa-Bangsa Bersatu. Yang lain-lain tidak ada. Saya mencadangkan supaya duta-duta ini, dalam globalisasi sekarang ini memerlukan kepada fahaman kita pun sudah mara ke hadapan, kita perlu juga di kalangan tokoh politik lebih ramai dilantik menjadi duta-duta. Macam Yang Berhormat Tuan Yim nanti, bila tamat boleh jadi Duta negeri China, tidak hendak? Mesti hendak, ya atau tidak? Mesti. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Mudah sahaja. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa, hendak habis ini.

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya hendak bertanya kepada dia. Adakah Datuk sokong saya jadi duta Malaysia? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Kalau Yang Berhormat Tuan Yim, anytime, sekarang pun boleh sainlah. *[Ketawa]* Saya serius ini. Sepatutnya dilantik jugalah kuota itu sekurang-kurangnya 30:70. Saya tengok di negara-negara lain, kebanyakan duta di kalangan tokoh politik, bekas menteri-menteri yang bersara. Macam Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sekarang ini, bekas-bekas Ahli Parlimen yang lama, ramai! Dan bekas-bekas ketua kerajaan pun bolehlah. Ini, lepas jadi KSN di sana, di sini, dalam negeri, sempit habis orang lain hendak hidup. Pergi jadi duta, lantik dia jadi duta, banyak peranan boleh mereka mainkan. Sambil-sambil berehat, umur 55 tahun bermain dengan cucu, duduk di German, duduk di France, bukankah itu seronok dan termasuk orang politik sebab seperti yang saya kata orang politik ini begini, oleh kerana dunia globalisasi sekarang ini.

Duta-duta kita di sana minta Menteri Luar Negeri tolong tegur sedikitlah. Saya banyak pergi konferen luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, jarang saya tengok penglibatan pihak-pihak kedutaan kita. Saya percaya mereka dijemput, perasmian pun mereka tidak ada. Konferen Ahli Parlimen atau Parliamenteriankah, saya tengok kedutaan lain sampai tiga, empat orang, orang kedutaan. Ada majlis, duta dia pergi hadir majlis. Saya banyak kali hadir kecuali kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri pergi ada duta.

Kita ada First Secretary, ada Second Secretary, ada kakitangan, mana dia orangnya? Supaya mereka ini ikut serta, kita dikritik oleh NGO. Ada persidangan NGO, pergi, jemput atau tidak dijemput hantar pergi, mana dia First Secretary – menyusup masuk, hantar report balik. Cari jalan mendekati NGO. Apa guna kita ada First Secretary – itu political desk. Kita tanya mana senarai NGO, dia pun tidak tahu, “Yang Berhormat, ada atau tidak senarai NGO?” Kita sudah sampai negeri yang tempat dia bertugas, depa pun tidak tahu, bermakna tidak membuat kerja!

Jadi, saya harap kalau boleh duta-duta ini lantik, saya hendak mencadangkan macam duta ke Amerika Syarikat, United Kingdom, Rusia, Perancis, Australia, ini yang penting-penting dan Bangsa-Bangsa Bersatu. At least these six countries must be a political appointed – mesti ada orang yang berlatar belakangkan politik. Dia tahu politik, dia sensitif kepada politik sebab inilah pusatnya. Pusat globalisasi di sini, di Jepun, yang ada sensitif ini. Sekarang ini melalui proses pegawai-pegawai kerajaan – naik pangkat umur 45 tahun jadi duta. Tidak apalah depa jadi duta, kita pun mengucapkan tahniah tetapi setengah-setengah itu tidak kenal orang. Yang dia kenalnya Yang Berhormat Menteri sahaja ataupun pemimpin-pemimpin besar negara sahaja kalau pergi, sultan-sultan sahaja kalau pergi, kalau yang kecil-kecil ini tidak bisa dilayan, pak! Contohnya begitu.

Jadi, saya tegur ini supaya peranan Kementerian Luar Negeri dan duta-duta nanti berkesan dan saya cukup berharap supaya duta-duta yang dilantik nanti di kalangan negara yang sebut rangkaian G7 dan juga negara-negara Selatan yang besar-besar, Yang Berhormat Datuk Ghazi ya, kita cadang supaya dilantik di kalangan orang politik. Senang, kot bila kita bersara nanti kita pun boleh isi sama fasal kita pun sudah boleh buat kerja itu. Kalau tidak talent kita itu rugi.

Jadi, saya tidak ada apa-apa, saya tidak hendak Yang Berhormat Tuan Yim ganggu, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

**5.06 ptg.**

**Tuan N. Marimuthu:** Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh satu, dua perkara khususnya perkara B.36 Polis Diraja Malaysia, B25 Kementerian Pertahanan. Saya dengan ini menyokong penuh peruntukan sejumlah wang tersebut di dalam Jadual.

Di negara kita Polis Diraja Malaysia dan tentera menjadi lambang kedamaian dan kemakmuran pelbagai lapisan masyarakat khususnya. Apabila ada orang mengapi-apikan perkara perkauman, maka mereka akan bertindak dengan bijak dan cekap untuk mengelakkan pelbagai masalah. Mereka sentiasa berkhidmat dengan cemerlang dan menjaga keamanan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada Ahli Dewan Negara telah berucap di dalam Dewan yang mulia ini menyentuh pelbagai perkara semasa. Sebahagian daripada Ahli Dewan Negara ini telah menunjukkan perasaan sedih dengan begitu prihatin apabila menyentuh tentang insiden Kampung Rawa, Pulau Pinang. Saya amat menghormati keprihatinan mereka.

Negara Malaysia begitu berbangga dengan budaya hidup berbilang bangsa yang hidup dengan penuh yakin, tolak ansur di antara satu sama lain, aman dan makmur. Ramai pemimpin negara kagum dengan cara hidup ini dan ingin mencontohi cara hidup ini di negara mereka. Walaupun agama rasmi negara ialah agama Islam, agama yang lain seperti agama Hindu, Kristian, Buddha bebas diamalkan di negara ini. Kerajaan sendiri memberikan sokongan di dalam peruntukan untuk membina tempat-tempat beribadat bagi penganut-penganut agama ini khususnya kaum India sentiasa berdiri di belakang kerajaan untuk menyokong segala tindakan kerajaan.

Lanjutan daripada insiden itu Presiden MIC Dato' Seri S. Samy Vellu telah menemui wakil-wakil dan pengerusi-pengerusi agama Hindu dari seluruh negara untuk berbincang tentang tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini daripada berlaku pada masa akan datang. Masyarakat India secara umum merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang telah bertindak cepat untuk membendung masalah yang telah ditimbulkan dan juga merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pulau Pinang, polis dan semua pihak lain berkaitan yang telah membantu mengawal keadaan daripada teruk....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta lalu.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebutan Pulau Pinang tidak ada Menteri Besar, yang ada Ketua Menterinya.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana lain-lain saya salah cakap. Saya ucapkan terima kasih.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang telah menolak usul tentang insiden ini yang telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada 1 April 1998. Kita berharap yang lepas biarlah lepas dan amat berharap semoga perkara ini tidak akan berlaku di masa akan datang. Dalam perkara-perkara rumit juga Polis Diraja Malaysia juga dapat menjalankan tugas dengan cemerlang khususnya dalam satu masalah perkampungan di Pulau Pinang. Pihak Polis telah menjalankan tugasnya dengan baik sehingga perkara ini dapat diselesaikan secara aman. Masalah-masalah luar seperti ini kita hanya dapat menyelesaikan dengan bantuan dan kerjasama pihak polis.

Sebenarnya kami telah bertindak untuk menentukan tempat ibadat ini menjadi satu organisasi yang lebih teratur. Bagi tujuan ini kami telah memohon tanah, tapak binaan secara teratur tetapi pihak berkuasa berkaitan tidak mempertimbangkan sehingga hari ini. Apabila negara sedang membangun, kebanyakan sektor perladangan terjejas, akibatnya kebanyakan kuil-kuil dari seluruh tempat telah dirancang untuk disatukan oleh berbagai-bagai pihak khususnya pihak-pihak MIC. Kami berharap pihak-pihak berkuasa yang berkaitan harus mengambil berat tentang hal ini melayan serta membuat pertimbangan yang sewajarnya terhadap permohonan-permohonan berkaitan. Di rantau Asia Tenggara, Polis Diraja Malaysia adalah pasukan polis yang mendapat kepercayaan rakyat sepenuhnya. Di waktu Perayaan Thaipusam saya pernah melihat Pasukan Polis Diraja Malaysia menjaga keamanan di bawah kepanasan matahari terik. Masyarakat India memuji sikap dan tanggungjawab pihak polis yang sentiasa sedia memberi perkhidmatan.

Saudara kita berbangsa Melayu juga turut melibatkan diri dalam menjaga keamanan di waktu-waktu perayaan. Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada mereka. Akhirnya saya menyokong penuh Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1998. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Kamilia binti Ibrahim.

**5.15 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk membahaskan rang undang-undang untuk menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997.

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan walaupun dalam kegawatan ekonomi masih dapat membuat peruntukan untuk golongan berpendapatan rendah iaitu antara lain program kredit mikro untuk penjaja, peniaga, usahawan kecil, menambah kemudahan pendidikan dan pembangunan dan seterusnya juga untuk Amanah Ikhtiar Malaysia dan juga untuk kesihatan dan kemudahan prasarana. Saya percaya dengan adanya keprihatinan pihak kementerian dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim selaku Menteri Kewangan, dapat sama-sama rakyat dan kerajaan bekerjasama dengan kepimpinan memahami keadaan kegawatan kini dan dapat sama-sama juga berusaha mengatasi kegawatan ekonomi kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang perkara satu dalam rang undang-undang yang telah dibentangkan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam dan seterusnya untuk memberi kesinambungan kepada ucapan saya yang menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang pengurusan dalam konteks globalisasi dan pembangunan teknologi maklumat. Kita dapati bahawa Perkhidmatan Awam adalah merupakan jentera pelaksana (executive). Kita tahu dalam bentuk pemerintahan negara terdapatnya tiga cabang dan eksekutif yang menentukan pelaksanaan polisi-polisi kerajaan dan jentera pelaksana ialah pihak ataupun Ahli-ahli Perkhidmatan Awam khususnya apa yang diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba memahami sebenarnya tentang Perkhidmatan Awam Malaysia dan telah berkesempatan membaca buku yang ditulis oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Sarji bin Abdul Hamid bagaimana Jabatan Prkhidmatan Awam itu dikatakan begitu peka dengan

pergolakan antarabangsa yang semakin ketara terutamanya proses globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat yang pesat dan juga betapa kita melihat pentingnya Perkhidmatan Awam yang cekap dan berkesan dan juga betapa Perkhidmatan Awam itu perlu mempunyai nilai-nilai teras iaitu kualiti, produktiviti, inovasi, integriti, akauntabiliti, disiplin dan profesionalisme. Dalam banyak-banyak ucapan daripada rakan-rakan di Dewan ini ramai telah memperkatakan rasa tidak puas hati dengan perkhidmatan mungkin dengan pegawai-pegawai daripada perkhidmatan awam. Itu tidak dapat dinafikan kerana wujudnya kelemahan-kelemahan yang perlu dibaiki dan tentu sekali daripada apa yang kita lihat, apa yang telah dilakukan oleh kepimpinan perkhidmatan awam banyak tindakan yang telah diambil seperti pelaksanaan Piagam Pelanggan, Kempen Pembersihan Tunggakan Kerja, Paperless Civil Service dengan izin, mereka juga ada standard accounting system for government agencies, dengan izin 'Saga', ISO 9000 dan pelbagai.

Pada hemat saya memang banyak usaha yang telah dilaksanakan dan kita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa masih ada lagi perkara-perkara yang perlu diberi teguran dan ramai telah memberi teguran. Terutamanya saya merasakan bahawa apa pun tindakan yang diambil, apa pun falsafah yang telah diwujudkan dalam perkhidmatan awam iaitu ianya merupakan membawa kepada pembaharuan perlulah dilihat kepada tindak-tanduk pengurusan perkhidmatan awam dan juga khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam. Yang kita tahu memang ada ramai Ahli-ahli Perkhidmatan Awam lebih kurang 800,000 orang dan perbelanjaan yang begitu besar untuk menanggung pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan kita perlulah melihat tentang apakah sebenarnya peranan yang telah diberi kepada perkhidmatan awam agar perkhidmatan mereka itu dapat dijadikan satu perkhidmatan contoh.

Kalau kita dapat lihat dan saya berpeluang untuk membaca perbandingan daripada perkhidmatan awam di Perancis, Germany, Amerika Syarikat dan juga di England. Kita dapati memang perkhidmatan awam kita ini mempunyai ciri-ciri yang unggul, mempunyai potensi yang begitu baik yang saya rasa boleh setanding dengan perkhidmatan awam di negara luar. Tetapi apa juga yang kita perlu lihat



ialah dalam kita hendak mengamati tentang perkhidmatan awam ini ialah pertamanya dari segi apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Dalam Perlembagaan di bawah perkara 132 Perkhidmatan Awam disenaraikan apakah dia yang dimaksudkan perkhidmatan awam dan siapakah yang merupakan ahli perkhidmatan awam, jadi ini terbahagi kepada 8 sektor dan kita juga dapati bahawa sektor-sektor ini juga adalah ditadbiri di bawah suruhanjaya-suruhanjaya yang tertentu. Tetapi dari aspek kuasa yang diberi perkhidmatan awam adalah tertakluk di bawah Perlembagaan, di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Dan untuk kita dapat memastikan apakah sebenarnya peranan Jabatan Perkhidmatan Awam ini dapat dilaksanakan dalam konteks yang sebenar-benarnya dan seterusnya dapat berkesan dan efisien. Kita perlu melihat pada kuasa yang diberi dalam Perlembagaan yang menentukan bidang kuasa negeri, persekutuan dan juga bidang kuasa bersama. Dan kita tahu juga bahawa pelaksanaan kuasa ataupun kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan adalah tertakluk kepada bidang kuasa-bidang kuasa yang ditentukan mengikut jadual-jadual yang ditentukan, dan ini adalah di bawah konsep federalisme.

Tadi saya juga telah bangkitkan dalam soalan mulut mengenai pembahagian kuasa di antara persekutuan dan negeri sama ada sebenarnya dapat dilaksanakan apa yang perlu dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dapat dilaksanakan dengan efisien dan berkesan. Dan kita dapati bahawa memang banyak di antara dasar-dasar Kerajaan Persekutuan tidak dapat dilaksanakan oleh kerana adanya sekatan-sekatan yang terwujud dalam bidang kuasa negeri. Contohnya tanah, environment, air dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan politik.

Kalau saya ambil contoh sebagai satu contoh yang ketara ialah dari segi physiology atau geography negara sendiri tidak memberi apa-apa boundary ataupun sekatan kerana untuk kita menentukan contohnya ada saya bertanya tentang kawasan-kawasan tadahan air, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah memberi jawapan bahawa itu bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar. Tentu sekalilah kita akan mempersoalkan bagaimanakah jika kita mempunyai dasar environment yang menyeluruh dapat dilaksanakan jikalau terhadapnya kuasa-kuasa yang diberi kepada

Kerajaan persekutuan yang kerana adanya peruntukan itu terjatuh di bawah bidang kuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa konsep federalisme ataupun konsep Kerajaan Persekutuan ini dikaji semula untuk dapat kita benar-benar melaksanakan polisi-polisi, dasar-dasar kerajaan terutamanya dari segi ekonomi, dari segi politik dan juga daripada environment sekalipun untuk sama-sama kita memajukan negara. Tambah lagilah dengan adanya teknologi maklumat dan globalisasi yang tidak kenal sempadan apatah lagi dalam negara kita yang begitu kecil. Jikalau kita mempunyai sekatan-sekatan yang begitu ketara tentu sekalilah banyak dasar yang tidak dapat dilaksanakan.

Sebenarnya, revision on federalism bukanlah satu perkara yang baru, bukanlah satu perkara yang unik yang kita sendiri hanya memikirkan atau terfikir oleh kerana masalah tanah, masalah air contohnya, pertanian contohnya kerana tidak dapat kita menjalankan dasar pertanian kerana tanah jatuh di bawah bidang kuasa negeri. Sebenarnya idea-idea baru ini telah pun dikemukakan di Amerika contohnya, ada sebuah buku bertajuk 'American Government - Reading and Cases' oleh Karen O'Conner, buku ini agak baru dikeluarkan pada tahun 1995 yang banyak mempertikaikan tentang federalism, dengan izin, dan bagaimanakah sebenarnya sistem American Government ini ataupun federalism yang banyak juga yang kita ikut di negara ini, mungkin kita mengatakan bahawa perlembagaan kita banyak mengikut kepada perlembagaan British tetapi ia juga banyak berunsurkan cara-cara pentadbiran di Amerika Syarikat yang berkonsepkan kerajaan persekutuan. Kita dapati pemikir perlembagaan seperti Hemilton begitu juga Medison yang merupakan pelopor-pelopor idea-idea federalism. Di Amerika sendiri pun dari awal banyak lebih berat untuk mengadakan sistem pentadbiran persekutuan yang lebih di 'centralise'kan. Jadi ini mungkin dari dulu lagi telah difikirkan bagaimanakah sebenarnya dapat kita menyelaraskan kuasa negeri dan persekutuan untuk dapat kita mencapai dasar-dasar yang tertentu.

Ini mungkin satu perkara yang perlu saya rasa diberi perhatian dan saya mintalah pihak kerajaan untuk mengkaji semula. Saya rasa tidak cukuplah kalau pada masalah air kita adakan Majlis Air Negara, sebenarnya Majlis Air Negara ini bukan idea baru tetapi sudah lama tetapi tidak dapat dikuatkuasakan. Kita ada Majlis Tanah Negara, yang saya rasa juga tidak sangat berkesan kerana majlis-majlis ini tidak dapat memberikan penguatkuasaan atau pelaksanaan. Saya teringat kami pergi berjumpa dengan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di mana salah seorang daripada ahli MTEN telah menyuarakan rasa kecewanya kerana banyak dasar persekutuan tidak dapat dilaksanakan di peringkat negeri-negeri kerana kurangnya political will ataupun kuasa kita untuk menguatkuasakan dasar-dasar persekutuan.

Justeru itu saya berpendapat bahawa mungkin banyak sungutan mengenai pegawai-pegawai di Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun Perkhidmatan Awam ini ialah kerana struktur kerajaan itu, struktur pentadbiran itu sendiri terutama dari aspek perlembagaan dan undang-undang tidak membolehkan pihak kerajaan ataupun pegawai kerajaan melaksanakan tugas mereka sepertimana yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan satu kes yang mungkin boleh kita fikirkan di mana pihak mahkamah boleh cuba membangkitkan satu keadaan baru dalam pentadbiran. Kes ini adalah kes Webster Iwn Reproductive House Services tahun 1989 di mana di sini telah dibangkitkan ataupun hakim itu telah cuba memberikan satu pandangan dalam penghakimannya bahawa pihak negeri perlulah melaksanakan dasar Kerajaan Persekutuan di Amerika Syarikat mengenai pengguguran anak atau abortion, jika tidaknya akan berlaku satu tindakan yang boleh diambil ataupun ianya memberikan satu gambaran bahawa jikalau negeri-negeri tidak sama-sama membuat perkara itu sebagai satu undang-undang, maka ianya akan kelak menjadi undang-undang di negeri-negeri yang tertentu.

Jadi, ini mungkin kita dapat melihat bagaimana pihak kehakiman yang juga merupakan salah satu cabang pentadbiran negara boleh juga memberi peranan

untuk memastikan penguatkuasaan dan pelaksanaan dasar-dasar Persekutuan, sebab kita tahu bahawa kehakiman juga kalau mengikut Perlembagaan termasuk di bawah perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, perkara-perkara ini yang saya rasa perlulah kita berikan satu pemikiran ataupun 'give some thoughts' dan mungkin perlu juga diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Yang keduanya, juga dari aspek profesionalisme tadi, mungkin daripada struktur kerajaan itu satu, tetapi saya juga berpendapat bahawa walaupun dalam buku Tan Sri Ahmad Sarji begitu cantik diberikan mengenai bagaimana perkhidmatan awam itu dapat memberi servis atau perkhidmatan yang cemerlang. Tetapi kita dapati mungkin ada juga kekurangan daripada garis panduan, bidang kuasa kalau bukan daripada negeri pun, bidang kuasa bagi setiap satu jabatan ataupun pegawai dan seterusnya peraturan dan cara bertindak.

Saya ingin membangkitkan di sini satu ayat yang selalu digunakan dalam semua surat-surat kerajaan iaitu setiap surat daripada jabatan kerajaan akan diakhiri sebelum ditandatangani oleh pegawai perkhidmatan awam iaitu 'saya yang menurut perintah'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mempersoalkan sebenarnya dan ingin mendapat jawapan daripada pihak kerajaan, apakah sebenarnya dimaksudkan dengan 'saya yang menurut perintah'? Kerana pada hemat saya sebagai seorang pegawai kerajaan tidak kira di peringkat mana untuk memastikan keberkesanan dan efficiency, dengan izin, seseorang pegawai untuk melaksanakan tugasnya, ia perlulah dapat berfikir, dapat bertindak dalam keadaan yang tertentu. Tentu sekalilah kalau 'saya yang menurut perintah' itu adakah ia bermakna perlu mengikut apa yang ditetapkan dalam peraturan, contohnya saya ada berpengalaman berjumpa dengan pegawai di JPA mengenai satu masalah yang berkaitan dengan undang-undang.

Jadi, dia telah memberitahu saya kes yang dipertikaikan telah dibawa kepada Peguam Negara dan telah memberitahu saya yang dia tidak boleh membuat apa-apa kerana kes itu telah pergi ke Peguam Negara. Jadi, isunya di sini pada hemat saya bahawa pegawai itu tidak memahami bahawa kalau ianya seorang pegawai kerajaan mengambil khidmat Peguam Negara maka ia bermaknalah Peguam Negara ialah peguam dan dialah memberi arahan bukan sebaliknya.

Saya juga ingin membangkitkan kes bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka yang telah didakwa dituduh menipu Kementerian Kewangan. Kes ini juga telah dilaporkan dalam koleksi *Berita Rasuah* bulan Oktober, November dan Disember.

Saya ingin mengaitkan perkara ini kepada perkataan-perkataan ‘saya yang menurut perintah’. Pada hemat saya dalam kes Abdul Rahman Jamal ini ialah satu kes di mana saya berpendapat beliau telah melakukan apa yang dilakukannya dengan mengambil erti kata sepenuhnya ‘saya yang menurut perintah’ kerana beliau telah dituduh menipu dan katanya di sini dalam dokumen menggunakan surat bertarikh 24 Februari yang mengandungi butir material palsu di Pejabat KSU Kementerian Kewangan, Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan, surat itu dikatakan, saya baca di sini, mengandungi butiran berikut:

*“Kerajaan Negeri Melaka sudah mencadangkan Gee Hin dan Johar Wacky untuk melaksanakan Projek Kompleks Sukan Negeri Melaka.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini kerana saya merasakan ada perkara yang tidak begitu kena dalam pentadbiran di Jabatan Perkhidmatan Awam terutamanya dalam penggunaan atau pentafsiran ‘saya yang menurut perintah’. Ada kalanya kita tahu peraturan-peraturan tertentu yang mana pegawai-pegawai perlu menurut perintah daripada apa yang dicatat di atas surat

yang mungkin diturunkan kepada pegawai yang berkenaan maka ia perlulah mengikut apa yang diperintah.

Adakah apa yang dimaksudkan dengan ‘saya yang menurut perintah’ di sini merangkumi segala perintah dan adakah ini juga bermakna bahawa pegawai-pegawai kerajaan di Jabatan Perkhidmatan Awam begitu terdedah kepada perintah-perintah yang mungkin pada dirinya adalah satu perkara yang perlu diikuti olehnya atau dipatuhinya.

Saya ingin penjelasan dari pihak kerajaan dan saya juga merasakan kes bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka ini adalah satu kes yang mungkin termasuk di dalam fenomena ataupun apa sahajalah yang boleh kita katakan, ‘saya yang menurut perintah’ ini. Ini satu kes yang mungkin pegawai itu sendiri mungkin akan teraniaya tetapi saya juga tidak mahu orang awam yang mempunyai hubungan dengan pegawai kerajaan juga teraniaya kerana pihak pegawai terlalu menurut perintah. Tentu sekalilah kita hendakkan jawapan walaupun saya percaya saya akan mendapat jawapan yang mengatakan ‘menurut perintah’ itu ada kriteria-kriteria yang tertentu.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah mempersoalkan tentang ketelusan yang kita banyak persoalkan, banyak yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini tentang penswastaaan. Penswastaaan yang kita katakan bagaimanakah kelulusan telah diberi, bagaimanakah satu-satu pihak itu yang telah diberikan projek-projek yang tertentu dan kita juga banyak hendak mempersoalkan bagaimanakah tanah-tanah ini mungkin dikatakan di luluskan di peringkat negeri, mengapa individu tertentu atau pihak-pihak tertentu dan mengapa pihak-pihak yang lain. Kita juga tahu banyak perkara yang perlu banyak jawapan.

Tan Sri Ahmad Sarji dalam bukunya memang mengatakan ada prosedur tentang ketelusan tetapi saya juga percaya dan yakin bahawa prosedur tentang

ketelusan dan ketelusan itu juga ada banyak mempunyai misteri yang tak kita fahami. Mungkin kalau betullah kita hendak memperkukuhkan Jabatan Perkhidmatan Awam, kita mahukan rakyat merasakan keadilan dilaksanakan, ketelusan itu perlulah diberi perhatian, bukanlah kerana kegawatan ekonomi kita banyak baca di dalam majalah-majalah asing yang mengatakan tentang 'transparency' kita sebenarnya tidak terbawa-bawa ataupun tidak terikut-ikut dengan majalah-majalah atau kata-kata orang Barat, kita sendiri di sini pun sedangkan mak cik di kampung pun tahu apakah itu adil atau tidak adil, tahu membezakan antara penipuan dan juga kebenaran. Apatah lagi kalau kita dapat melihat, kita rasa kesal kerana adanya kelulusan yang tidak dapat difahami, mungkin tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga ada berkata tentang masalah sosial, mengatakan bagaimanalah kita dapat permit-permit bar yang diluluskan.

Saya ingin mencadangkan untuk permit-permit bar yang diluluskan disiarkan dalam akhbar, sebab-sebab mengapa permit-permit itu diluluskan bagi kawasan-kawasan tertentu dan mengapa kepada pihak-pihak yang tertentu dan apakah justifikasi bagi bar-bar ataupun tempat-tempat seperti itu dibenarkan.

Saya boleh berikan satu contoh di Jalan 2/64A di Kuala Lumpur ada dua bar di situ, satu baru hendak dibuka, saya ingin tahu apakah justifikasinya, sebab dalam kita menentukan ketelusan ini bukan sahaja pemberian tanah atau pemberian projek tetapi juga kita hendak tahu tentang permit-permit yang dikeluarkan yang membawa kepada masalah sosial terutamanya, kalau kita rasa malu melihat anak-anak bangsa kita yang menjual diri, contohnya, tentu sekalilah kita akan bertanya mengapakah perkara itu terjadi, adakah kerana dia sengaja hendak berlaku begitu, kerana ada kesempatan atau bagaimana pula dengan tanggungjawabnya.

Saya tidak mengatakan bahawa kalau berlakunya sesuatu contohnya masalah sosial itu, masalah anak itu sahaja atau masalah ibu bapanya yang

dikatakan tidak mengawasi kegiatan anak-anaknya, tetapi bagaimana pula mereka yang mengeluarkan permit-permit, bagaimana pula mereka yang menggalakkan hidupnya bar-bar dan pub-pub ini, membenarkan tempat-tempat ini diwujudkan dan di manakah pula pegawai-pegawai penguatkuasa, bukankah perkara-perkara ini biasa nampak di hadapan mata tetapi di manakah mereka, jabatan-jabatan agama dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ketelusan adalah sangat penting dalam perkhidmatan awam kerana apa pun kita tidak dapat lari ianya adalah sangat berkaitan dengan pegawai-pegawai penguatkuasaan sama ada Dewan Bandaraya ataupun Jabatan Agama Islam, pegawai kebajikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang penguatkuasaan, saya juga ingin mencadangkan oleh kerana banyaknya jabatan-jabatan dan agensi-agensi tentang penguatkuasaan ini wujud, maka kadangkala bertindih dan kadangkala mereka berdolak-dalik maka perkara-perkara penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan.

Saya banyak kali telah mencadangkan satu badan khusus untuk penguatkuasaan diwujudkan untuk dapat mentadbir penguatkuasaan semua undang-undang agar peraturan-peraturan dan penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dalam perkara perkhidmatan awam ini ingin menyentuh tentang etika iaitu etika oleh pegawai-pegawai di Jabatan Perkhidmatan Awam. Yang sangat memalukan saya rasa ialah apa yang berlaku dengan pegawai-pegawai pendidikan di mana tiga orang guru telah sanggup menjual soalan peperiksaan dengan harga terlalu murah untuk ianya menggadaikan kerjayanya. Perkara ini sepatutnya tidaklah berlaku jikalau kita dapat benar-benar mewujudkan etika yang baik dan juga rasa tanggungjawab. Saya percaya dan yakin bukanlah gaji yang menjadi kayu ukur untuk menentukan seseorang itu lebih beretika ataupun seseorang itu lebih menyanjung kerjayanya untuk menjadi contoh. Kita malu kepada anak-anak kita kalau guru-guru atau pendidik-pendidik sendiri yang mendidik anak-anak itu menjadi sebegitu rupa yang sanggup menghulurkan soalan peperiksaan, yang sanggup menyuruh anak-anak menipu kerana untuk berjaya dalam peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang JPA lagi. Saya ingin mencadangkan, walaupun kita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana telah



menghulurkan RM10 untuk dipotong gaji mereka, tetapi saya inginlah menyeru dan meminta pihak kerajaan mengkaji agar semua bekas pemegang biasiswa JPA sama ada biasiswa ataupun dermasiswa, diminta untuk menghulurkan sumbangan kepada tabung biasiswa JPA yang ada yang memberi biasiswa kepada penuntut-penuntut yang kurang bernasib baik untuk mereka dapat terus melanjutkan pelajaran mereka, ataupun mereka yang perlu diberi biasiswa untuk pendidikan tinggi. Kita tahu sejak merdeka lagi Tabung Biasiswa JPA telah diwujudkan. Ramai di antara kita di sini dan saya juga ialah pemegang biasiswa JPA yang telah banyak mendapat sumbangan daripada JPA untuk melanjutkan pelajaran dan ramai yang memegang biasiswa tidak perlu membayar balik biasiswa melainkan jikalau mereka telah pecah kontrak.

Jadi kepada mereka yang telah mendapat nikmat daripada biasiswa JPA yang saya tahu kalau kita tidak ada biasiswa dulu mungkin tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dan sebagainya, untuk memberi sumbangan kepada kerajaan kepada mewujudkan tabung bekas pemegang biasiswa JPA untuk kita dapat bersama-sama memberikan sumbangan kita, ramai anak kita yang saya tahu tidak mampu untuk melanjutkan pelajaran. Kita memang banyak kali menyebut tentang anak-anak kita yang kurang bernasib baik yang tidak ada duit untuk melanjutkan pelajaran even dekat local university. Hari Ahad lalu saya ada pergi ke UNITEN, menghantar anak saya, ada ibu bapa yang merungut untuk membayar RM600 sebagai wang pendahuluan. Itu pun agak payah bagi mereka untuk membayar.

Kita tahu juga dalam kegawatan ekonomi kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup, jadi adalah dicadangkan, satunya, JPA terus menjadi sumber biasiswa bagi mereka yang berkelayakan untuk mendapat biasiswa dan tidak dihapuskan biasiswa JPA dan saya juga mencadangkan semoga tabung biasiswa ini ditambah peruntukannya daripada sumbangan semua bekas pemegang biasiswa JPA sejak daripada merdeka lagi. Saya rasa kalau ada sumbangan yang ini mungkin kita dapat menambah untuk membantu ramai lagi penuntut-penuntut yang memerlukan wang.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya perkatakan dalam saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

**5.45 ptg.**

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kebenaran saya berucap di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998. Saya menyokong penuh rang undang-undang tersebut dan berharap benarlah bahawa peruntukan tambahan kepada Kementerian Pendidikan iaitu Maksud Bekalan B bernilai hampir RM40 juta dibelanjakan sebaik mungkin oleh kementerian ini demi untuk menjayakan wawasan Kementerian Pendidikan sendiri. Saya percaya bahawa kementerian ini akan melaksanakan program sekolah bestarinya dengan sebaik mungkin tanpa menganaktirikan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Program khas Kementerian Pendidikan seperti sekolah berpusat dalam satu kawasan yang sedang didirikan di Baling, Kedah semestinya dijadikan salah sebuah sekolah bestari supaya anak-anak

desa yang cerdas dan pintar memperoleh peluang yang sama seperti anak-anak bandar yang telah sedia terdedah dengan kemajuan teknologi maklumat masa kini.

Dengan sebab itu saya juga berharap Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dapat menyediakan segala kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan talian telefon bagi membolehkan penduduk luar bandar dan sekolah-sekolah di luar bandar menggunakan komputer. Saya optimis sekali bahawa penduduk desa di negara kita mampu membeli sebuah komputer untuk anak-anak mereka jika kemudahan asas iaitu elektrik dan talian telefon ada di kampung halaman mereka. Saya juga percaya pihak Koperasi FELDA, FELCRA atau RISDA mampu memberikan pinjaman kepada para pekebun atau petani kita untuk membeli komputer. Agensi-agensi kerajaan ini sepatutnya dapat mengubah paradigma para petani dan pekebun kita daripada meminjam untuk membeli set pinggan mangkuk atau perabot rumah kepada pinjaman untuk membeli komputer bagi menjamin kejayaan pendidikan dan pelajaran anak-anak mereka pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian untuk mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai isu semasa yang hangat sangat diperkatakan sekarang iaitu kegagalan Unit Pusat Universiti (UPU), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia mengurus kemasukan pelajar lulusan SPM, SPVM dan STPM ke Institut Pengajian Tinggi Awam. Akhbar-akhbar tempatan telah mendedahkan tentang adanya pelajar yang cemerlang gagal memasuki IPTA. Ibu bapa dan pelajar berkenaan terpaksa mengorbankan masa dan wang untuk datang sendiri ke UPU di Pusat Bandar Damansara untuk mengetahui status, dengan izin, permohonan anak-anak mereka. Pendedahan akhbar sedikit sebanyak menjejaskan kewibawaan Kementerian Pendidikan amnya, dan Jabatan Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan khasnya. Apatah lagi jabatan ini diketuai oleh profesor yang berkelulusan doktor falsafah pula. Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu satu, berapa ramaikah pelajar yang berkelulusan cemerlang dalam SPM, SPVM dan STPM gagal memasuki IPTA dan terpaksa mengisi borang semula atau membuat rayuan.

Kedua, benarkah mereka yang lulus cemerlang dan gagal ke IPTA kerana kesalahan mereka mengisi borang seperti yang didakwa oleh Dr. Hassan, Ketua Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan dan berapa ramaikah mereka ini?

Ketiga, pihak universiti mendakwa bahawa sistem pemilihan calon ke IPTA tahun ini ada kelemahannya. Adakah pihak Kementerian Pendidikan akan mengalakkan sistem ini, pada tahun hadapan?

Keempat, apakah kelemahan sistem lama yang pernah diamalkan sebelum ini iaitu calon mengisi borang selepas keputusan SPM, SPVM dan STPM diketahui dan bukan mengisi borang sebelum diketahui dahulu.

Sebagai orang biasa apa yang didedahkan oleh akhbar berserta dengan gambar dan bukti yang ditunjukkan oleh pelajar yang cemerlang tetapi gagal ke IPTA, saya nampak memang ada kelemahan UPU, Kementerian Pendidikan. Sistem pemilihan yang dibuat oleh UPU sebelum ini tidak pernah menimbulkan suasana kelam kabut di Blok J, Pusat Bandar Damansara. Saya berkeyakinan bahawa

Kementerian Pendidikan masih diberi peruntukan kewangan yang secukupnya untuk menguruskan kemasukan para pelajar kita ke IPTA dan saya percaya UPU bukan berhajat mencari keuntungan dengan menjual borang dan buku panduan lebih awal daripada pelajar yang ingin memohon ke IPTA. Jika telah saya ini benar, saya berharap UPU boleh keluarkan borang permohonan selepas keputusan SPM dan STPM dikeluarkan. Dengan demikian pelajar yang lulus cemerlang dan baik seperti memenuhi syarat sahaja akan memohon. Ini tentu akan mengurangkan lagi beban tugas pegawai-pegawai di UPU. Sekianlah sahaja Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sahabat saya banyak lagi hendak berucap. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Janggu.

**5.51 ptg.**

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Jabatan Perkhidmatan Awam yang diperuntukkan RM30,308 juta untuk membantu penuntut-penuntut yang telah belajar di luar negara untuk mereka. Tetapi apabila mereka balik kelak, saya berharap mereka akan berkhidmat dengan begitu baik. Oleh kerana kerajaan telah prihatin kepada mereka yang menuntut di luar negara. Oleh itu saya berharap ini tidak menjejaskan keprihatinan kerajaan kepada mereka yang telah berkhidmat dan menuntut untuk maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh B.16 iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba. Kita telah maklum kerana kebanyakan dalam tahun ini kita telah dilanda oleh beberapa kebakaran di negara kita dan negara jiran juga. Oleh itu saya merasa dukacita kerana kebanyakan kebakaran hutan kita di negara ini telah musnah oleh kebakaran itu dan itu menyebabkan asap-asap yang tebal, jerebu melanda negara kita ini. Ini menyebabkan kebanyakan terganggu kesihatan kita di negara ini dan di negara-negara jiran juga. Oleh itu saya berharap perkhidmatan bomba ini hanya bukan diberi peruntukan untuk semata-mata di bandar tetapi di dalam peruntukan ini memikirkan untuk mengadakan Jabatan Bomba di kawasan pedalaman seperti daerah-daerah yang kecil yang tidak ada perkhidmatan bomba di pedalaman itu. Oleh itu kebanyakan punca kebakaran yang terlibat di dalam kebanyakan kebakaran hutan iaitu di dalam kawasan pedalaman. Oleh itu saya berharap perkhidmatan bomba akan ditubuhkan di peringkat-peringkat daerah di seluruh negara ini, untuk mengatasi masalah kemungkinan kebakaran akan berlaku di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh B.25 iaitu Kementerian Pertahanan. Saya juga dimaklumkan kebanyakan anggota-anggota tentera kita yang bersara selama ini kebanyakannya daripada kumpulan orang Iban di Sarawak, kebanyakan mereka telah bersara kerana berkhidmat selamanya dalam tentera tetapi apabila balik ke kampung masing-masing, mereka terjejas tidak ada tanah dan tidak ada kebun untuk mereka kembali semula ke pangkuan masyarakat. Oleh itu saya berharap Kementerian Pertahanan memberi perhatian kepada mereka yang bersara yang tidak ada mempunyai

tanah masing-masing untuk kehidupan mereka di masa depan. Oleh kerana kebanyakan mereka juga tidak ada menyertai dalam tabung lepas bersara perajurit oleh itu mereka oleh kerana kurang dalam dengan izin, ignorant perkara ini. Saya berharap Kementerian Pertahanan memberi perhatian yang serius oleh kerana mereka telah berjuang untuk mempertahankan negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin me nyentuh dalam perkara B.26 iaitu Kementerian Pendidikan seperti mana yang telah dibangkitkan dalam masa perbahasan Titah Ucapan Diraja baru-baru ini, saya telah membangkitkan mengenai peruntukan makanan pada sekolah asrama iaitu di negeri Sarawak. Saya baru-baru ini balik dari kawasan saya iaitu dari kawasan pedalaman di negeri Sarawak, saya difahamkan oleh para guru-guru di sana, masih belum ada surat pekeliling dari Kementerian Pendidikan - menyatakan pemotongan makanan masih kekal daripada sekolah-sekolah pedalaman. Oleh itu masih membebankan murid -murid yang menuntut di sekolah masing-masing oleh kerana pada hujung minggu mereka disuruh balik ke kampung-kampung. Itu membebankan kepada ibu bapa mereka oleh kerana kos perjalanan dan tambang dari segi pulang balik ke kampung sendiri lebih besar daripada mereka menginap di asrama masing-masing. Oleh itu walaupun kementerian memberi jaminan baru-baru ini bahawa bekalan makanan bagi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah berkenaan tidak akan terjejas tetapi sekarang ini belum ada surat pekeliling diberikan kepada tiap-tiap sekolah pedalaman di negeri Sarawak. Oleh itu saya berharap Kementerian Pendidikan mengambil perhatian yang berat dan serius dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh dalam B.34 – Kementerian Kesihatan. Saya juga telah mengambil berat dengan perkara ini dan oleh itu kita di negara ini perlu menjaga kesihatan kita untuk menghasilkan kesihatan yang baik dan tidak terjejas. Oleh itu saya minta pihak Kementerian Kesihatan memberi perhatian yang serius kepada permintaan saya oleh kerana kebanyakan alat-alat yang digunakan di hospital-hospital daerah tidak mencukupi seperti yang saya katakan dulu iaitu mesin-mesin untuk pesakit-pesakit asma. Oleh itu saya memohon pihak kementerian ini agar memberi perhatian kepada hal-hal begini.

Akhir sekali saya ingin menyentuh dalam B.47 - Kementerian Pengangkutan. Walaupun di negeri Sarawak tidak ada landasan kereta api tetapi malangnya kita Ahli-ahli Yang terhormat telah diberi kad pengenalan untuk

menggunakan pas kereta api di Semenanjung tetapi tidak pernah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak dan Sabah menggunakan perkhidmatan kereta api ini. Oleh itu saya berharap, walaupun kita telah diberi kemudahan tersebut dan juga banyak kritikan dari Ahli Yang Berhormat yang menggunakan pas ini tidak berpuas hati dengan layanan yang diberikan, saya berharap Kementerian Pengangkutan mengambil berat kerana mereka yang menggunakan Kelas Pertama tetapi tidak beri tempat penginapan dan juga tidak terjejas kepada mereka yang akan menggunakan pas itu. Apabila kita menggunakan pas itu kita mestilah dilayan dengan layanan 'first class' seperti mana yang dikatakan dalam pas tersebut.

Saya sering menggunakan pengangkutan kapal terbang dari kawasan saya iaitu dari Sarawak ke Kuala Lumpur. Kebanyakan kita terjejas dengan 'public transport' dengan izin. Kadangkala kita bertemu dengan pemandu teksi yang tidak tahu tempat yang kita hendak tuju. Oleh itu saya berharap, Kementerian Pengangkutan akan mengambil berat terhadap pemandu teksi atau limousin supaya memberi layanan semasa pelanggan-pelanggan mereka memberi alamat-alamat yang hendak dituju kepada pemandu limousin, begitu juga dengan teksi-teksi di lapangan terbang, mereka tidak dapat memberi kepuasan kepada pelanggan. Saya berharap Kementerian Pengangkutan akan mengambil perhatian kepada perkara ini. Dengan ini saya sekali lagi memberi sokongan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Mastika.

**6.04 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-Undang Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1998. Perbelanjaan tambahan yang dipohon adalah tidak melebihi RM7,020,420,263 daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1997, Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997, Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1997 dan Akta Perbekalan Tambahan (1997) (No. 2) 1997.

Walaupun daripada jadual yang dibekalkan, keperluan anggaran tambahan yang saya baca daripada lampiran-lampiran yang diberikan oleh pihak Parlimen, anggaran tambahan yang diperlukan untuk tahun 1997 adalah RM9,302, 502,123 pihak Perbendaharaan telah mengenakan RM2,281,881,860 daripada perbelanjaan tanggungan maka bakinya dibentangkan dalam Dewan Rakyat untuk dibahaskan dan diangkat ke Dewan Negara untuk dipertimbangkan untuk kelulusan ialah RM7,020,420,263.

Tuan Yang di-Pertua, semasa negara menghadapi kegawatan ekonomi, setiap sen yang dibenarkan untuk dibelanjakan adalah menjadi 'significant' kepada lembaran imbangan negara. Setiap ringgit yang diluluskan haruslah dapat diterjemahkan dalam peningkatan khidmat dan peningkatan produktiviti negara. Unsur-unsur menggunakan kesempatan, mengambil peluang yang keterlaluan dan pakatan-pakatan yang bermotif mengaut keuntungan untuk diri sendiri perlu dineutralisasikan (neutralise) dengan sikap bertanggungjawab, amanah dan meletakkan kepentingan negara dan ummah mengatasi desakan dan rontaan nafsu yang tiada batasan. Jika prinsip ini dapat diterap, maka tidak ada masalah bagi kita untuk meluluskan apa juga keperluan tambahan kerana kita yakin setiap ringgit yang diluluskan akan diterjemahkan sebagai perkhidmatan terbaik dan peningkatan keperluan asas kepada rakyat dan negara yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali kita membahaskan belanjawan tambahan, bayaran emolumen dan imbuhan kakitangan merupakan peratusan yang besar. Saya mengkaji daripada bil yang telahpun dibekalkan kepada Ahli-ahli Yang Behormat iaitu daripada RM7,020,420,263, kita dapati daripada bil-bil yang berkenaan – B.13 - Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak sebanyak RM68,278 adalah merupakan bayaran emolumen dan juga imbuhan. Begitu juga dengan B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba sebanyak RM15,341,224 juga merupakan bayaran untuk imbuhan. Demikian juga B.24 - Jabatan Muzium dan Antikuiti bernilai RM191,607 dan B.25 - Kementerian Pertahanan, permohonan sebanyak RM138,027,952 adalah juga merupakan bayaran-bayaran imbuhan kepada angkatan tentera ke Bosnia. B.26 - Kementerian Pendidikan yang berjumlah

RM39,818,633 merupakan emolumen dan juga imbuhan kepada kakitangan kementerian berkenaan.

Demikian juga Kementerian Kesihatan dan kalau dibacakan seterusnya - Jabatan Penjara, Kementerian Sumber Manusia dan juga Polis Diraja Malaysia. Walaupun Polis Diraja Malaysia, permohonan yang diminta adalah untuk mewujudkan Model Struktur Organisasi Baru (MSOB) PDRM. Kalau saya tidak silap saya ada terbaca dalam satu lembaran bahawa permohonan yang dipohon adalah lebih RM100 juta, mungkin kalau saya tidak silap diluluskan RM50 juta. Ini agak berlainan, ia merupakan Model Struktur Organisasi Baru. Walau bagaimanapun, daripada apa yang dibentangkan dalam Dewan ini, 14 item yang dikemukakan, sembilan item adalah merupakan imbuhan kepada kakitangan kerajaan cuma ada beberapa tajuk sahaja yang melibatkan isu-isu dan perkara-perkara yang lain seperti B.8 - Jabatan Perkhidmatan Awam untuk biasiswa penuntut-penuntut di luar negara. B.27 - Jabatan Perpustakaan Negara untuk perpustakaan di Sabah. B.47 - Kementerian Pengangkutan dipohon untuk menampung kerugian kereta api dan B.51 - Kementerian Luar Negeri untuk Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kakitangan perkhidmatan awam adalah aset kepada negara, mereka perlu diberi imbuhan yang mencukupi, digilap kecemerlangan dan semangatnya supaya jentera kerajaan berjalan lancar. Dalam masa yang sama, mereka juga perlu produced, dengan izin, ataupun memberi perkhidmatan yang terbaik.

Saya minta maaf ingin menegur ataupun ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan kerana selama telah masuk penggal kedua saya berada di Dewan ini, setiap kali kita membahaskan anggaran belanjawan kita berhadapan dengan peruntukan-peruntukan untuk emolumen dan juga imbuhan gaji. Adakah kerajaan tidak memberikan gaji yang cukup ataupun kita bekerja underpower, dengan izin, maksud saya kekurangan kakitangan ataupun pegawai-pegawai kita lebih mengutamakan isu-isu kenaikan gaji berbanding dengan mengadakan program-

program pembangunan dan juga kadangkala jika dilihat keadaan ini seolah-olah nampaknya kerajaan tidak serius dalam isu-isu pembangunan kerana peruntukan-peruntukan pembangunan jarang kita lihat memerlukan peruntukan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, rungutan mengenai lemahnya perkhidmatan kerajaan dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar tidak boleh diletakkan 100% di bahu kementerian sahaja. Saya berpendapat bahawa pihak Perbendaharaan dan juga pihak perancang perlu meneliti keadaan ini dan perlu memberi kerjasama kepada kementerian-kementerian yang berkenaan supaya pembangunan-pembangunan di luar bandar dan pembangunan untuk kepentingan rakyat juga dapat diberikan keutamaan dan kita dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di samping kita dapat menentukan supaya pengagihan kekayaan negara dapat diagih dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, tadi, dalam masa soal jawab kita telah mendengar pandangan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian. Saya agak terperanjat jugalah apabila mendengar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menyatakan pada masa yang lalu semasa ekonomi kita begitu baik boleh dikatakan negara kita mencapai pencapaian lapan tahun berturut-turut peningkatan ekonomi yang begitu baik 8% setahun, dasar kita memang mengimport makanan daripada luar.

Ini adalah merupakan suatu yang kita mungkin tidak dapat selama ini, tidak jelas dengan kedudukan sebenarnya. Apabila keadaan negara menjadi gawat, nilai mata wang kita telah pun turun, barulah kita merasakan bahawa import sebanyak RM9 bilion itu merupakan satu angka yang besar. Jikalau ini adalah merupakan dasar pada masa yang lalu bahawa kita membenarkan import makanan dan keperluan makanan didapati murah daripada negara kita, saya rasa tidak hairanlah kenapa import negara kita telah pun meningkat sedemikian besarnya.



Pada masa yang lalu, apabila saya bekerja di dalam sektor pengeluaran padi, memang sering kali saya mendengar arwah Yang Teramat Mulia Dato' Syed Nahar sebagai Pengerusi MADA pada waktu itu selalu menyebutkan bahawa tanaman padi ini adalah tanaman keselamatan. Itu nostalgia lama, tak pernah dengar sekarang ini, tanaman padi adalah tanaman keselamatan. Yang saya faham dahulu tanaman padi adalah tanaman keselamatan dan akhir-akhir ini kita dapati kita juga terpaksa mengimport makanan utama negara kita daripada luar. Kalau saya tidak silap, keperluan dalam negara cuma ada 60%. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sahaja pengeluaran tanaman padi di negara kita.

Saya difahamkan di kawasan Sekinchan iaitu satu kawasan di negeri Selangor, tanaman padi mereka telah dapat mengeluarkan hasil 9 hingga 11 tan per hektar, ini saya dimaklumkan tetapi sayangnya kepuk padi Malaysia ataupun gudang pengeluar padi Malaysia di kawasan Kedah/Perlis di MADA ataupun di kawasan negeri Kelantan, kawasan KEDA pengeluaran kita cuma 2.5 tan sehingga 4 tan paling tinggi di luar kawasan MADA termasuk Sabah dan Sarawak pengeluaran cuma 1.5 tan hingga 2 tan, ini adalah merupakan satu pengeluaran yang rendah, pada hal dalam masa yang sama di Sekinchan dapat mengeluarkan 9 hingga 11 tan, ini opportunity, dengan izin, ataupun ruang dan peluang di mana kita dapat sebenarnya meningkatkan pengeluaran itu.

Tetapi malangnya dalam keadaan sebenarnya keseluruhan ataupun sebahagian besar daripada pengeluar-pengeluar tanaman padi ini tidak meningkatkan pengeluaran mereka. Saya pun tidak tahu mungkin kerajaan dapat menjelaskan adakah ini berlaku kerana tidak ada galakan ataupun tidak ada penerapan teknologi ataupun memang menjadi dasar kepada negara kita, kita lebih mengutamakan atau meletakkan keutamaan dari segi pembangunan yang lain berbanding pembangunan yang melibatkan masyarakat dan juga rakyat kita di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi, apabila kita melihat anggaran belanjawan, permohonan peruntukan tambahan, kita dapati bahawa peruntukan yang dipohon untuk pembangunan yang sebenarnya selain daripada tambahan kepada gaji dan juga imbuhan itu agak berkurangan. Ini merupakan satu perkara yang saya fikir haruslah dibuat kajian yang mendalam di pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai pengeluaran makanan tadi sebenarnya sebagaimana yang selalu saya sebutkan di dalam Dewan ini, untuk kita meningkatkan pengeluaran makanan dan juga untuk kita menggalakkan pengeluaran makanan, ia memerlukan modal yang besar dan ia juga mempunyai risiko yang tinggi. Ini saya fikir telah pun diterima oleh pihak kementerian dan dalam masa yang sama juga kita memerlukan sokongan dan juga kerjasama daripada agensi kerajaan.

Saya pernah satu ketika bersama-sama dengan beberapa rakan yang lain kerana semangat berkobar-kobar, kita hendak berusaha untuk mengeluarkan tanaman cendawan. Projek ini yang pernah saya sendiri terlibat secara langsung dengan projek yang kita cuba usahakan dan projek ini apabila kita membuat R&D dengan pakar daripada Taiwan, kita dapati statement yang dikeluarkan oleh pakar yang berkenaan bahawa cendawan yang dikeluarkan di negara kita dengan cuaca yang ada atau climate yang ada di negara kita ini, kita dapat mengeluarkan per kaki persegi bilangan ataupun berat harvest, berat kutipan hasil yang kita dapati adalah lebih baik daripada apa yang mereka usahakan di Taiwan. Malah kualitinya juga lebih baik daripada apa yang telah pun mereka keluarkan di sana.

Tetapi malangnya projek ini tidak juga berjaya walaupun kita usahakan dengan tenaga, effort kewangan dan sebagainya tidak berjaya juga kerana tidak mendapat sokongan. Pada waktu itu, Bank Pertanian Malaysia telah pun memberi jaminan bahawa akan memberikan pinjaman tetapi apabila projek ini dijalankan, kita tidak mendapat pinjaman sehingga dua tahun, pinjaman tidak dapat diberikan.

Ini salah satu contoh yang saya dapat berikan dan pernah saya lalui dan saya merasakan mungkin pihak-pihak yang lain juga, yang ingin berusaha dalam pengeluaran makanan ini dapat menghadapi keadaan yang sama.

Sekarang ini, peruntukan Fund For Food telah pun diwujudkan oleh pihak kerajaan, kita berharap keadaan ini tidak akan berulang sekali lagi, kalau hendak ditanya kepada saya, orang utara kata, 'serik', memang boleh dikatakan kita sudah serik untuk melibatkan diri dalam usaha-usaha yang begini kerana kita dapati kesungguhan semua pihak sama ada agensi kerajaan ataupun pihak yang memberi pinjaman tidak bersungguh-sungguh dalam usaha untuk kita hendak meningkatkan pengeluaran makanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kami menjalankan program yang berkenaan, kita telah dapat mengeluarkan 7 tan cendawan yang mana sekarang ini kita import banyak daripada Taiwan dan juga daripada China dan kita telah pun tinkan, kita telah buktikan, kita telah eksport ke Singapura tetapi kita tidak mendapat sokongan yang penuh, malah secara peribadinya saya terpaksa menanggung hutang menjamin syarikat-syarikat yang cuba menjalankan perusahaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah bagi saya, saya berpendapat bahawa dalam dasar kerajaan itu sendiri harus ditentukan supaya kita benar-benar meletakkan keutamaan pembangunan luar bandar dan juga pembangunan masyarakat di luar bandar, rakyat kita yang terlibat dengan bidang-bidang yang agak kecil, rakyat yang terlibat dengan bidang-bidang pertanian ini perlu kita beri perhatian, perlu kita lihat bagaimana mereka ini boleh dimajukan.

Kalau kita tidak memikirkan ini sebagai perkara yang penting, kalau kita kadang-kadang terikut dengan arus pembangunan sekarang ini dengan projek-projek yang besar-besar ataupun kebanyakan daripada kita walaupun sebenarnya kita tidak terlibat dengan penswastaan dan sebagainya, terpengaruh dengan keadaan penswastaan kerana melihat mereka yang terlibat di dalam penswastaan ini dapat menikmati pencapaian dan juga keuntungan yang besar akan menyebabkan kita tidak meletakkan priority, yang saya sebutkan tadi – pertanian dan sebagainya ini keutamaan di dalam kita membuat perancangan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sektor-sektor pertanian juga kita lihat bahawa badan-badan yang ada di situ, baik Lembaga Pertubuhan Peladang, baik Pertubuhan Peladang Negeri, NAFAS dan sebagainya, apa yang mereka sebut sekarang ini mereka pun hendak swasta. Pertubuhan Peladang pun sekarang ini hendak berdikari dan hendak menjadi swasta sehinggakan timbul kompelin ataupun timbul rungutan daripada peladang-peladang walaupun mereka menjadi lembaga pengarah seolah-olah Persatuan Peladang itu sudah lari daripada dasar yang sebenarnya kewujudan mereka adalah untuk membela nasib-nasib petani itu sendiri kerana mereka terpengaruh dengan unsur-unsur yang berlaku sekarang ini di negara kita – penswastaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dapatlah kita ibaratkan semacam mana Dasar Pandang ke Timur. Dasar itu sebenarnya memang elok, dasar itu memang cantik – Dasar Pandang ke Timur, kita hendak melihat bagaimana Jepun menjalankan perniagaan, bagaimana etika orang-orang Jepun bekerja, bagaimana Jepun dapat menguasai dunia ini dalam pelbagai bidang tetapi malangnya apabila kita buat Dasar Pandang ke Timur – yang kita adopt, dengan izin, ataupun sebahagiannya yang kita lakukan – sediakan meja makan macam orang Jepun, ada lagi perkara-perkara lain yang kita buat yang tidak kena-mengena sebenarnya dengan dasar-dasar ini, ini aliran-aliran ataupun environment yang kadang-kadang divert pemikiran kita ke arah yang telah pun merosakkan keseimbangan yang perlu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi, bukanlah saya bangun bercakap ini untuk membahaskan Akta Perbekalan ini, tidak menerima Akta Perbekalan ini, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita menerima tetapi walau bagaimanapun, kita hendak melihat supaya ada perseimbangan di antara peruntukan-peruntukan yang diberikan untuk mentadbir dan mengurus dengan peruntukan-peruntukan pembangunan. Saya fikir kita jangan melupakan tanggungjawab kita kepada rakyat-rakyat yang memberi sokongan kepada kita terutamanya mereka yang tidak bernasib baik.

Sebab itulah saya berpendapat bahawa dalam kita mengadakan dasar-dasar yang kita buat, terutamanya Dasar Pertanian Negara, beberapa kali saya telah mempersoalkan soal subsidi. Subsidi ini dikatakan sudah tidak sesuai lagi pada masa ini. Saya tidak tahulah sama ada subsidi ini tidak sesuai kerana ada satu peraturan di peringkat dunia, ini saya tidak pasti. Saya dimaklumkan di dalam mesyuarat Majlis Peladang kerana saya sebagai salah seorang daripada wakil Majlis Peladang. Satu ketika kita pernah berbincang untuk menarik subsidi baja padi untuk kawasan-kawasan tanaman padi. Saya percaya kalau subsidi ini ditarik daripada kawasan-kawasan tanaman padi, kita akan menghadapi keadaan sebagaimana yang dihadapi di Indonesia tetapi alhamdulillah apabila kita berdebat dua, tiga kali di dalam Majlis Peladang, kerajaan telah pun akur dan telah pun memberikan perhatian subsidi ini dapat dipertahankan.

Subsidi ini perlu kerana kita harus melihat keperluannya bukan hanya untuk mereka yang terlibat di dalam industri itu sendiri tetapi sebenarnya keperluannya adalah untuk semua. Misalnya di dalam industri tanaman padi sebagaimana yang saya selalu sebutkan, bukan petani-petani itu sendiri yang mendapat subsidi daripada kerajaan tetapi kita yang membeli beras itu sendiri pun telah pun mendapat nikmat daripada subsidi yang berkenaan kerana harga beras terkawal.

Begitu juga dengan tanaman-tanaman dan juga produk-produk yang lain, tanpa ada bantuan daripada kerajaan. Jika harga ini tidak kita biarkan harga secara natural ataupun apungan, harga sentiasa ditekan, sudah tentu pengeluar tidak akan mendapat keuntungan. Jadi, dalam soal ini saya berpendapat bahawa kerajaan harus memikirkan ataupun harus melihat sedalam-dalamnya dan kita harus juga memberikan pertimbangan sebaik-baiknya.

Begitu juga dengan dasar penswastaaan. Dalam Dewan ini ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun bercakap mengenai Dasar Penswastaaan. Tadi kita telah mendapat jawapan yang begitu panjang lebar mengenai kebaikan-kebaikan Dasar Penswastaaan dan sebagainya. Memang kita tahu, dalam buku pun boleh kita baca, itulah yang ada, yang tertera di dalam penulisan dan juga asas penerimaan kita kepada Dasar Penswastaaan tetapi yang kita bangkitkan ialah adakah Dasar Penswastaaan ini dapat menjamin satu perkhidmatan yang boleh diterima oleh keseluruhan masyarakat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah kerana adanya kita di Dewan ini, tanggungjawab kita adalah kepada masyarakat keseluruhannya.

Saya percaya mereka yang mempunyai gaji yang tinggi, mereka yang mempunyai pendapatan yang tinggi dan jangan lupa, pendapatan mereka adalah kos kepada kita sebagai pengguna. Kalau dia menjadi eksekutif sebuah syarikat, produk daripada syarikat itu akan dijual dengan mahal kerana terpaksa menampung gaji dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan syarikat. Kita pengguna terpaksa membayar dalam erti kata apa pun, siapa pun yang berpendapatan tinggi kosnya itu akan ditanggung oleh semua pihak.

Yang kita pertikaikan sekarang ini apabila Dasar Penswastaaan dibuat, kita harus melihat apakah dasar ini dapat diterima ataupun seimbang untuk seluruh masyarakat di negara kita, itu sahaja. Kita tidak mempertikaikan adakah dasar ini baik ataupun tidak. Kebaikannya memang tidak dapat kita nafikan dan untuk itu juga saya berharap pihak kerajaan juga memikirkan kalau sekiranya kos tidak dapat diturunkan – dalam perbahasan yang lalu saya menyatakan soal kos, kemungkinan kos ini campur semua kos – atas meja, bawah meja, atas bumbung, atas para semua, kos ini diberikan kepada pengguna. Kalau sudah kos ini semua kita jaga dan ada kawal selia sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi – ada kawal selia, kos ini sudah tidak dapat lagi kita turunkan kerana faktor-faktor yang di luar kawalan kita.

Adakah kerajaan tidak memikirkan bahawa bentuk-bentuk yang lain boleh diberikan oleh kerajaan sama ada dalam bentuk kerajaan menerima sebahagian daripada tanggungjawab kepada syarikat yang berkenaan supaya kos yang dikenakan kepada rakyat tidak begitu tinggi. Saya kira kerajaan tentulah lebih mahir dan kerajaan tentulah lebih mengetahui lagi keadaan yang berlaku dan yang penting bagi kita ialah untuk menentukan supaya caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak swasta, yang dulunya diberikan oleh pihak kerajaan, tidak membebankan rakyat ataupun di dalam lingkungan yang boleh ataupun sanggup ditanggung oleh rakyat. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh secara khusus perkara-perkara yang telah pun dipohon di dalam Akta Perbekalan Tambahan ini. Yang pertamanya B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu memohon menampung biasiswa pelajar-pelajar di luar negara. Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar

cemerlang ini adalah merupakan aset kepada negara. Mereka adalah generasi harapan kita pada masa akan datang. Saya amat bersetuju kerajaan melihat kebajikan mereka di luar negara kerana nilai mata wang kita sekarang ini telah jatuh dengan begitu teruknya. Tinggal 52% kalau saya tidak silap dan ini bergantung kepada keadaan semasa.

Saya berharap supaya pihak kedutaan-kedutaan di luar negara dan juga jabatan-jabatan pelajar di luar negara supaya mereka bertindak lebih aktif untuk mengesan dan juga untuk mengkaji apakah kesan kejatuhan mata wang ini kepada pelajar-pelajar kita di luar negara. Jangan sampai pelajar-pelajar kita yang ada di sana tidak dapat meneruskan pelajaran ataupun pelajar-pelajar kita di sana terpaksa mengagihkan masa mereka untuk belajar di samping mencari wang tambahan dan takut-takut pula mereka mencari wang tambahan melalui jalan yang tidak halal.

Saya berharap sangatlah supaya selain daripada kita memperuntukkan peruntukan tambahan, kita dapat mengesan, dapat membantu seboleh mungkin supaya pelajar-pelajar kita tidak tertekan dan juga menjadi mangsa kepada kejatuhan mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara B.25 Kementerian Pertahanan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat. Boleh sambung besok?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Menyampuk]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Banyak lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagi?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tidak, saya bergurau dengan Yang Berhormat Dato' Zuki. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Berilah peluang kepada orang-orang lain sama. Majlis ditangguhkan kepada esok hari jam 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***